

"NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam keluar pada hari Aidilfitri, lalu Baginda melakukan solat hari raya sebanyak dua rakaat dan tidak melakukan solat yang lain sama ada sebelum atau selepasnya".

- Hadis daripada Ibn 'Abbas Radiallahuanhuma, Riwayat al-Bukhari (945)

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR & BATIN

BERANGKAT KE MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Dalam memperingati kaum kerabat yang sudah kembali ke rahmatullah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat berserta kerabat diraja yang lain ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, hari ini.

Majlis berkenaan adalah khusus buat ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjurus Aying Asah-Asahan ke makam ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam ketika berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.



Berita Utama



SUMBANGAN hamper raya ceriakan pesakit Hospital RIPAS

Muka 8



RAIKAN Aidilfitri dengan syukur, tawaduk

Muka 11

Patuhi peraturan semasa konvoi ziarah Hari Raya

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 April. - Hari Raya Aidilfitri memberi peluang kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan kunjung mengunjungi sanak saudara serta sahabat handai bagi mengeratkan jalinan silaturahim.

Bahkan, menziarahi rumah ke rumah secara beramai-ramai atau konvoi bersama ahli-ahli keluarga yang lain telah menjadi tradisi semasa sambutan Aidilfitri.

>> Muka 10

Rangka hala tuju, strategi kepelbagaian ekonomi

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku pengerusi bersama kumpulan kerja Brunei Green Economy Framework (BGEF) dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Tinggi British, pagi tadi,

menganjurkan majlis pelancaran Brunei Green Economy Report yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

>> Muka 7

Imej tular suhu tertinggi di rantau Asia Tenggara

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 April. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) ingin menjelaskan mengenai imej tular di media sosial bertarikh 4 April 2024 yang lalu yang menunjukkan suhu yang tinggi di Rantau Asia Tenggara.

Suhu tinggi yang dipaparkan dalam imej berkenaan adalah suhu yang dirasakan

iaitu penggabungan suhu udara dengan kelembapan bagi kawasan berkenaan. Suhu yang dirasakan adalah berbeza dari suhu udara yang direkodkan di mana, suhu udara diukur dengan alat penyukat suhu mengikut tatacara piawaian antarabangsa.

>> Muka 9



KEPENTINGAN penyimpanan rekod perniagaan ditekankan

Muka 13



Warisan

PERMAINAN tradisional penting dipertahankan

Muka 20

Berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

>> Muka 1

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin

Teramat Mulia Paduka Seri Jefri Bolkiah serta kerabat Pengiran Digadong Sahibul diraja yang lain.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
April	HARI	Syawal	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	RABU	7	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27	7.37
18	KHAMIS	8	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37
19	JUMAAT	9	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27	7.37
20	SABTU	10	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27	7.37
21	AHAD	11	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27	7.37
22	ISNIN	12	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37
23	SELASA	13	4.41	4.51	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
35 26 °C	35 26 °C	35 26 °C	
Pekan Bangar			
35 25 °C	34 26 °C	34 25 °C	
Pekan Tutong			
33 26 °C	33 26 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C	33 26 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 17 APRIL 2024

Jaga pemakanan ketika beraya

SETENTUNYA aspek kesihatan diri perlu dijadikan fokus ketika menikmati juadah raya, termasuk apabila mengunjungi Rumah Terbuka Aidilfitri. Pelbagai juadah makanan dan kuih-muih disediakan oleh tuan rumah bagi menjamu sanak saudara dan rakan-rakan untuk sama-sama meraikan Hari Raya Aidilfitri.

Justeru, aspek kawalan sendiri perlu diterapkan ketika menjamu selera malah tuan rumah juga perlu mengambil tanggungjawab dalam menjaga atau menghidangkan makanan kepada tetamu termasuk tidak memaksa mereka menjamah menu yang disediakan.

Lazimnya, setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri, umat Islam sibuk membuat persiapan untuk perayaan tahunan itu seperti dekorasi rumah serta sajian tradisional untuk dihidangkan pada hari raya, namun, berapa ramaikah antara kita yang sedar kepentingan menyediakan sajian berkhasiat dan mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan?

Makan berlebihan ketika hari raya boleh membawa kepada penambahan berat badan terutama apabila lebih banyak kalori yang diambil daripada yang dibakar malah ia boleh sahaja mengakibatkan kesan jangka panjang kepada kesihatan seperti peningkatan risiko obesiti dan kondisi kesihatan berkaitan dengan kencing manis dan penyakit jantung.

Makan terlalu banyak atau mengambil makanan tinggi lemak dan tinggi gula juga boleh membawa kepada masalah penghadaman seperti ketidakcernaan, kembung perut dan sembelit.

Oleh yang demikian, awda dinasihatkan untuk memilih makanan yang lebih sihat seperti sajian panggang atau bakar berbanding goreng atau hidangan tinggi lemak, serta memilih makanan dengan protein tanpa lemak, bijirin penuh dan banyak sayur-sayuran, selain mengawal jumlah makanan dengan mengambil jumlah yang kecil bagi setiap sajian dan makan perlahan-lahan untuk mengelakkan makan berlebihan.

Selepas sebulan menahan lapar dan dahaga, kebanyakan masyarakat menganggap hari raya waktu terbaik untuk menjamu pelbagai hidangan yang membolehkan mereka makan tanpa kawalan. Maklum saja, ketika hari raya pelbagai juadah lazat seperti rendang, kuah kacang, nasi impit, lemak serta kuih-muih menghiasi meja makan kediaman masing-masing.

Memang tidak dinafikan rumah terbuka akan terus diadakan di sepanjang Syawal ini, sehubungan itu, awda digalakkan untuk sentiasa peka dengan hidangan yang dijamu. Pada asasnya, kita melihat amalan rumah terbuka sekadar untuk meraikan rakan taulan dengan hidangan disediakan, tetapi ada rahmat yang tersembunyi di sebalik amalan rumah terbuka.

Lantas, kawalan makan semasa rumah terbuka perlu diterapkan dalam sama-sama mengelakkan lagi penyakit. Elakkanlah pengambilan makanan dalam kuantiti yang banyak dalam satu masa, pilih air kosong daripada air manis dan berperisa, pilih pencuci mulut yang kurang manis seperti buah dan sayur serta elakkan ambil kuah secara berlebihan dan makan secara sederhana dan konsisten. - **Ketua Penyuntingan (Zk).**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منترى دان دجيتق اوله قرين قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika doa dibacakan.

>> Muka 2

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal



Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Bacaan Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato

Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga seterusnya membacakan Doa

Tahlil, diikuti dengan Doa Allah Peliharakan Sultan.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam bonda baginda, makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan makam paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Azim (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar membacakan Doa Tahlil, diikuti dengan Doa Allah Peliharakan Sultan. Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia seterusnya menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan; dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



>> Muka 3

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam ayahanda, bonda dan anakanda baginda, diikuti oleh paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Kebawah DYMM juga seterusnya menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran

Anak Haji Mohamed Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; Al-Marhumah Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajah Besar binti Pengiran Anak Haji Metassan; dan Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

>> Muka 5



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjirus Aying Asah-asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas kanan, atas dan kanan).





>> Muka 4

Kebawah DYMM berserta paduka-
paduka anakanda dan adinda
baginda berkenan menerima

junjung ziarah daripada para
jemputan yang hadir sebelum
meninggalkan majlis.

>> Muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (kiri). Sementara gambar atas, bawah kiri dan bawah kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik' berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik' berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (kiri). Manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen' ketika menjiruskan Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (kiri dan kanan).

>> Muka 5

Turut hadir ke majlis berkenaan,
Yang Amat Mulia Pengiran pengiran

Cheteria, Yang Berhormat Menteri-
menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-
majlis Mesyuarat, Yang Mulia

Timbalan-timbalan Menteri,
Pemerintah Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei, Pengiran-pengiran

Peranakan, Pehin-pehin Manteri
dan Manteri-manteri Bertauliah,
Setiasaha-setiasaha Tetap dan

Timbalan-timbalan Setiausaha
Tetap.

>> Muka 7



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (bawah, bawah kiri dan bawah sekali kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (atas).





>> Muka 6

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan menjirus Aying Asah-Asahan ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; makam Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan makam Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas, atas kanan dan kanan).



ANTARA yang hadir pada Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong (kiri).

RANGKA HALA TUJU, STRATEGI KEPELBAGAIAN EKONOMI



Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Foto : Ihsan Borneo Bulletin

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan juga Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei

Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama John Virgoe.

Pelancaran Brunei Green Economy Report ini adalah salah satu *deliverable* di bawah UK - Brunei Strategic Dialogue : Brunei Green Economy Framework yang bertujuan untuk merangka pelan hala tuju kemampunan bagi membimbing strategi dalam

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Pelancaran Brunei Green Economy Report.

mempelbagaikan ekonomi Brunei. Ia juga adalah salah satu inisiatif negara ini dalam mencapai komitmen *net zero emissions* menjelang 2050.

Dalam ucapan khas, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew menekankan kepentingan kedayatahan dalam menuju ke arah ekonomi hijau, yang mana laporan itu menggalakkan kerjasama bagi mengenal pasti peluang untuk pelaburan yang disasarkan, penambahbaikan dasar, pepadanan perniagaan (*business matching*) dan kerjasama antarabangsa, dengan tujuan untuk membina ekonomi yang berdaya tahan dan mampan yang mengimbangi penjagaan alam

sekitar dengan kemakmuran ekonomi.

Majlis tersebut juga mendengarkan ucapan daripada Tuan Yang Terutama John Virgoe yang turut menekankan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam menangani cabaran global seperti perubahan iklim dan kelestarian ekonomi.

Berikutan ucapan-ucapan tersebut, Brunei Green Economy Report dilancarkan secara rasmi dengan upacara penyerahan.

Laporan komprehensif tersebut kemudian dibentangkan oleh Brice Richard daripada ARUP Singapura, selaku konsultan bagi laporan itu, yang antara lainnya memberikan gambaran keseluruhan impak perubahan iklim kepada ekonomi negara.


Ia juga mengenal pasti peluang dan cabaran yang dapat dijadikan asas untuk membangun ekonomi hijau di NBD yang dapat menyumbangkan kepada ekonomi negara dari segi pengeluaran, penjaan pekerjaan baru serta pengurangan pengeluaran karbon.

Majlis seterusnya diikuti dengan

perbincangan panel yang terdiri daripada pakar industri dari NBD, iaitu Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib dan pakar-pakar industri daripada United Kingdom, yang bertajuk 'A Pathway to Economic Resilience'.

Panel tersebut memudah cara pertukaran idea, pandangan dan amalan terbaik dalam melaksanakan peralihan hijau, di samping memastikan ekonomi yang makmur.

Turut hadir di majlis pelancaran itu ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, pihak-pihak kedutaan di negara ini, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pakar-pakar industri daripada United Kingdom, ARUP Singapura, ahli-ahli kumpulan kerja BGEF, wakil-wakil daripada agensi-agensi yang terlibat dalam menghasilkan laporan itu, serta pihak-pihak berkepentingan untuk menjayakan usaha-usaha di bawah BGEF.



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PADA zaman sekarang, terdapat pelbagai permainan elektronik yang menjadi kesukaan orang ramai terutama golongan remaja seperti permainan melalui aplikasi telefon bimbit dan komputer. Selain itu ada juga permainan-permainan yang dilakukan secara fizikal dan ada juga yang menggunakan mesin seperti permainan-permainan yang terdapat di arked-arked, pusat-pusat membeli belah, acara keraian atau acara *fun fair*. Antara permainan yang menjadi kesukaan ramai ialah permainan *balloon popper* atau *pop the balloon*, *basketball machine*, *claw machine*, *wiffle ball toss*, *can smash*, *ring toss*, *string obstacle*, *tic tac toe*, *shooting gallery*, *fishing time*

Hukum Bermain Claw Machine

dan seumpamanya. Kebiasaannya, orang-orang yang hendak bermain permainan-permainan yang menggunakan mesin dikehendaki membuat pembayaran sama ada dengan membeli token atau kupon atau tiket dan sebagainya. Di samping itu, sebahagian permainan menyediakan hadiah-hadiah tertentu sebagai tarikan kepada orang-orang yang bermain.

Maka Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai hukum bermain *claw machine* yang masih menjadi kemusykilan di kalangan orang ramai.

Permainan *claw machine* ialah sejenis permainan yang berupa sebuah kabinet kaca menegak yang mempunyai alat pencengkam (*claw*) terletak di bahagian atas sebelah dalam kabinet tersebut. Fungsi alat pencengkam ialah untuk mengambil barangan yang disediakan dalam mesin tersebut sebagai hadiah kepada pemain.

Untuk menyertai permainan *claw machine*, pemain dikehendaki membeli token mengikut nilai yang ditetapkan, contohnya harga 1 token bernilai \$1.00.

Cara bermainnya ialah dengan memasukkan token terlebih dahulu untuk mengaktifkan mesin permainan tersebut, kemudian alat pencengkam akan mula bergerak ke bawah dan ia dikawal sendiri oleh pemain dengan menggunakan kayu bedik (*joystick*) yang terdapat di luar kabinet untuk mencengkam barangan yang terdapat di dalam kabinet tersebut kemudian memindahkannya dan menggugurkannya ke lubang khas untuk mengeluarkan barangan tersebut. Jika pemain berjaya mengeluarkannya dari mesin tersebut, dia akan memiliki barangan itu sebagai hadiah kemenangannya dan jika pemain gagal, maka dia tidak mendapat apa-apa.

Berdasarkan penelitian terhadap cara permainan *claw machine* ini, ia dapat disimpulkan seperti berikut:

- Permainan ini mensyaratkan pemain membayar sejumlah wang untuk bermain.
- Pemilik *claw machine* menyediakan hadiah iaitu barangan yang diletakkan dalam mesin tersebut.
- Permainan ini lebih banyak bergantung kepada nasib berbanding kemahiran (*skills*) dalam mendapatkan hadiah.
- Permainan ini menyebabkan satu pihak akan untung dan satu pihak akan rugi.

Keempat-empat perkara di atas mempunyai kaitan dengan unsur-unsur yang terdapat dalam judi kerana ia melibatkan pertarungan antara pemain dan pemilik. Harta yang dipertaruhkan oleh pemain ialah harga token yang dibeli untuk mengaktifkan mesin permainan tersebut. Manakala harta yang dipertaruhkan oleh pemilik *claw machine* pula ialah barangan yang diletakkan dalam mesin permainan tersebut sebagai taruhan. Pemain yang menang akan memiliki harta yang dipertaruhkan. Manakala pemain yang kalah pula tidak akan mendapat apa-apa kecuali kerugian membayar token.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Minhaj ath-Thalibin*, jika kedua-dua belah pihak mensyaratkan harta sebagai taruhan untuk dimenangi oleh salah satu pihak yang bertaruh, maka ia adalah judi sebagaimana katanya:

Ertinya: Jika disyaratkan dalamnya (suatu permainan) ada harta (yang dipertaruhkan) daripada kedua belah pihak

(yang bertanding), maka (itulah) judi.

Selain itu, permainan ini bergantung kepada nasib yang dikaitkan dengan pertarungan iaitu satu pihak akan untung dan satu pihak akan rugi, maka perkara ini juga merupakan unsur judi sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam al-Mahalli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Kanz ar-Raghibin* ketika mensyarah perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* mengenai dengan sebab tidak sah akad pertarungan:

Ertinya: Kerana kedua-dua belah pihak (dalam suatu permainan) kesemuanya ragu-ragu (atau tidak pasti) sama ada dia akan mendapat habuan atau dia akan menanggung kerugian, dan ini adalah gambaran judi yang diharamkan.

Maka adalah jelas permainan *claw machine* adalah permainan yang berunsur judi. Islam mengharamkan judi dan segala bentuk perkara yang berunsurkan perjudian sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

Tafsirnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan). (Surah al-Ma'idah: 90)

Oleh yang demikian, umat Islam adalah haram melibatkan diri dalam permainan *claw machine* dan juga permainan-permainan yang seumpamanya, sama ada sebagai pemain, penyedia permainan, pengiklan dan lain-lain mengenainya kerana ia merupakan suatu dosa dan menyebabkan kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Demikian penjelasan mengenai hukum bermain *claw machine*.

Sumbangan hamper raya ceriakan pesakit Hospital RIPAS



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad selaku tetamu kehormat majlis semasa menyampaikan hamper kepada para pesakit.

Raya di rumah sendiri.

Penyerahan sumbangan berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Tingkat Khas, Hospital RIPAS, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad selaku tetamu kehormat majlis, yang juga turut menyampaikan hamper kepada para pesakit.

Para penerima hamper berkenaan ialah para pesakit dari Wad Perubatan Lelaki 3; Wad Perubatan Perempuan 4; Wad Pembedahan Lelaki 6; Wad Pembedahan Perempuan 7; Wad Sub Akut Renal Lelaki 17; Wad Sub Akut Renal Perempuan 18; Wad Perubatan Perempuan 19 dan 20; Wad Perubatan Lelaki 21 dan 22; Wad Ginekologi 31 dan 33; dan Unit Pediatrik Akut (APU).

Syarikat Royal Brunei Culinary juga turut serta



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki: 1
Wanita: 2

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Berat badan yang berlebihan.
- ✗ Merokok.
- ✗ Tidak aktif.
- ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✗ Mininum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- ✗ Tidak merokok.
- ✗ Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- ✗ Elakkan meminum minuman keras.
- ✗ Meningkatkan aktiviti fizikal.
- ✗ Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembung perut.
- ✗ Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Hamper sempena Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah / 2024 Masihi kepada para pesakit Hospital RIPAS.

Sebanyak 250 bungkusan

hamper raya diserahkan kepada beberapa orang pesakit, di Hospital RIPAS dengan tujuan untuk memeriahkan lagi suasana Hari Raya bersama para pesakit serta keluarga, selain memberi pemeduliaan serta perhatian berterusan kepada mereka yang sedang menerima rawatan danditidak berkesempatan untuk meraikan Sambutan Hari

dalam memberikan sumbangan hamper-hamper raya kepada para pesakit wad Hospital RIPAS. Turut hadir pada majlis berkenaan ialah ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS serta wakil-wakil dari Syarikat Royal Brunei Culinary.

KEDUTAAN REPUBLIK TURKIYE ADAKAN KEMPEN DERMA DARAH



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy semasa menyertai Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Kedutaan Darussalam (NBD) bersama kakitangan kedutaan berkenaan (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Kedutaan Republik Turkiye di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Brunei Darussalam (NBD) Selasa, 16 April - Kedutaan mengemukakan Kempen Derma Republik Turkiye di Negara Darah dalam kalangan



kakitangannya baru-baru ini.

“Kempen Derma Darah berkenaan diadakan adalah sebagai menyahut seruan menderma darah dari Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS),” kata Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy yang juga turut menyertai kempen tersebut.

Tuan Yang Terutama turut menjelaskan bahawa kedutaannya mengadakan Kempen Derma Darah setiap tahun untuk meluaskan tanggungjawab sosial mereka dan memberi kembali kepada masyarakat di samping mengetengahkan dan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diseru untuk menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Pendermaan darah secara

Imej tular suhu tertinggi di rantau Asia Tenggara

MAKLUMAN

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berasa resah dan untuk terus mengikuti maklumat cuaca rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajuca Brunei Darussalam (BDMD).

Jabatan Kajuca Brunei Darussalam (BDMD) ingin menjelaskan mengenai imej tular di media sosial bertarikh 4 April 2024 yang lalu yang menunjukkan suhu yang tinggi di Rantau Asia Tenggara.

Siaran Akhbar | 15 April 2024

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajuca Brunei Darussalam

>> Muka 1

BDMD telah menyediakan catatan suhu maksimum harian dan juga suhu yang dirasakan bagi beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan infografik-infografik untuk maklumat dan rujukan worang ramai yang dikongsikan melalui media sosial BDMD.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berasa resah dan untuk terus mengikuti maklumat cuaca rasmi yang dikeluarkan oleh BDMD melalui aplikasi bimbit BruneiWX dan media-media sosial BDMD iaitu laman Facebook (@bruneiweather),

Instagram (@brunei.weather) dan saluran Telegram kami (Brunei Weather).

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn.

BDMD juga ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan percaya dengan maklumat yang disebarkan melalui mana-mana aplikasi media sosial tanpa memastikan kesahihan maklumat yang disebarkan terlebih dahulu.

kerap dan sukarela adalah penting bagi memastikan stok bekalan darah sentiasa di tahap yang optima dan mencukupi bagi menampung penggunaan di kesemua hospital

di Negara Brunei Darussalam.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Blood-Kad bagi Kempen Derma Darah berkenaan adalah sangat digalakkan.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Patuhi peraturan semasa konvoi ziarah Hari Raya



MENZIARAH rumah ke rumah secara beramai-ramai atau konvoi bersama ahli-ahli keluarga yang lain telah menjadi tradisi semasa sambutan Aidilfitri.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Lazimnya, perjalanan konvoi raya mengambil masa yang lama kerana banyak rumah saudara mara yang hendak diziarahi terutama bagi mereka yang menetap di daerah lain.

Oleh itu, penting bagi kita membuat perancangan terlebih dahulu sebelum memulakan perjalanan bagi memastikan

aktiviti konvoi berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah termasuk memastikan kereta dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

Pastikan tayar kereta dalam keadaan terbaik dengan tekanan angin tayar mencukupi, selain memeriksa lampu depan dan belakang kereta; signal, bateri, wiper, brek dan minyak enjin terlebih dahulu sebelum memulakan



SEMASA berkonvoi kita hendaklah memandu secara berhemah serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan ketika di jalan raya.

perjalanan yang jauh.

Selain itu juga, aspek keselamatan semasa di jalan raya perlu dititikberatkan oleh para peserta konvoi bagi mencegah situasi tidak diinginkan dari berlaku semasa bulan Syawal yang mulia ini.

Memandu secara berhemah serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan ketika di jalan raya adalah amat penting demi keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain.

Antara kesalahan di jalan raya yang boleh meningkatkan risiko

kemalangan semasa aktiviti berkonvoi adalah menggunakan telefon bimbit semasa memandu, gagal mematuhi lampu isyarat serta memandu secara berbahaya dan melebihi had kelajuan.

Tindakan buruk berkenaan bukan sahaja menunjukkan sikap pemandu yang tidak bertanggungjawab dan mementingkan diri sendiri, malahan ia boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Oleh itu, ahli-ahli keluarga atau rakan-rakan yang menyertai

konvoi dapat memainkan peranan dengan saling ingat mengingati untuk sentiasa bersikap sabar dan tidak terlalu terburu-buru semasa memandu, di samping mengamalkan sikap bijak, bertimbang rasa dan berhemah semasa memandu.

Tujuan berkonvoi semasa lebaran bukan sahaja untuk sampai ke destinasi yang hendak dituju tetapi juga bagi memupuk hubungan kekeluargaan dan mewujudkan suasana Aidilfitri yang meriah serta menggemirakan.

TINGKATKAN KESELAMATAN RUMAH DI MUSIM PERAYAAN

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



ORANG ramai perlu peka ketika hendak meninggalkan rumah untuk memastikan pagar, pintu dan jendela rumah sentiasa dipastikan ditutup dan dikunci dengan kunci yang kukuh selain tidak membiarkan barang-barang berharga di luar kawasan rumah yang boleh menjadi daya tarikan kepada penjenayah (atas). Manakala gambar atas kanan, pemasangan sistem penggera dan Kamera Litar Tertutup (CCTV) antara langkah bagi meningkatkan lagi keselamatan rumah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 April. - Di musim perayaan berkunjung ini kita perlulah mengambil langkah beringat-ingat dan berwaspada.

Dalam masa yang sama kita meraikan musim perayaan ini kita hendaklah meningkatkan kewaspadaan dan lebih berhati-hati ketika hendak meninggalkan rumah untuk mengunjungi rumah terbuka bagi

mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku seperti kecurian dan kebakaran.

Orang ramai perlu peka ketika hendak meninggalkan rumah untuk memastikan pagar, pintu dan jendela rumah sentiasa dipastikan ditutup dan dikunci dengan kunci yang kukuh selain tidak membiarkan barang-barang berharga di luar kawasan rumah yang boleh menjadi daya tarikan

kepada penjenayah.

Antara langkah untuk meningkatkan lagi keselamatan rumah adalah seperti pemasangan sistem penggera dan Kamera Litar Tertutup (CCTV).

Melalui CCTV tersebut tuan rumah boleh mengakses dan memantau persekitaran rumah melalui dalam talian untuk memastikan tidak ada kejadian jenayah yang berlaku.

Lampu di luar rumah seboleh-



bolehnya hendaklah dinyalakan pada waktu malam terutama sekali tempat-tempat yang senang dilihat.

Selain itu, hubungan baik sesama jiran juga boleh membantu untuk memantau rumah ketika pergi meninggalkan rumah pada jangka masa yang lama. Meminta pertolongan mereka seperti menyalakan lampu, memberi makanan kepada binatang peliharaan dan sebagainya.

Orang ramai juga disarankan untuk memaklumkan balai-balai atau Pos-pos Polis tentang tarikh pemergian bagi bertujuan pemantauan dan rondaan semasa rumah tersebut ditinggalkan serta memaklumkan kepada Ahli Pengawasan Kejiranan

di setiap kampung bagi sama-sama mematai dan mengelakkan kejadian pecah rumah yang tidak berpuas hati.

Jika berlaku sebarang kecemasan, orang ramai hendaklah menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 atau Talian Kecemasan Pasukan Polis Diraja Brunei 993 atau menghubungi Balai-balai Polis berdekatan dengan memberikan maklumat tepat.

Oleh itu, sama-samalah kita meningkatkan kewaspadaan, bukan sahaja pada musim perayaan ini malah juga setiap hari agar menghindari daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

RAIKAN AIDILFITRI DENGAN SYUKUR, TAWADUK

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Menghayati erti kemenangan dalam merayakan Hari Raya Aidilfitri adalah tentang bertambahnya kesedaran, tunduk serta tawaduk kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selain dapat mengungkapkan rasa syukur atas kemenangan kita menjalankan ibadah puasa dan meraih ganjarannya di bulan suci Ramadan.

Lebaran juga tidak hanya menjadi momen perayaan hari kemenangan melainkan memiliki makna, amalan dan hikmah yang dapat diambil oleh umat Muslimin untuk sesuatu kebaikan, antaranya saling berbagi rezeki dan keperluan sesama umat terutama kepada golongan yang lebih memerlukan.

Di samping itu, Aidilfitri juga diraikan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan jalinan ukhuwah antara kaum keluarga, sanak saudara, sahabat handai, rakan taulan dan malah sesama masyarakat termasuk anak-anak yatim, fakir miskin, dan golongan-golongan yang memerlukan dan saling memohon kemaafan antara satu sama lain.

Ketika hampir menjelang Aidilfitri, sering kita lihat pelbagai agensi sama ada pihak kerajaan



MENGHAYATI erti kemenangan dalam merayakan Hari Raya Aidilfitri adalah tentang bertambahnya kesedaran, tunduk serta tawaduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala, selain dapat mengungkapkan rasa syukur atas kemenangan semasa menjalankan ibadah puasa (kiri dan kanan).

mahupun swasta, pihak-pihak NGO, pelbagai persatuan giat melaksanakan berbagai majlis penyerahan sumbangan berupa bantuan makanan asasi, pakaian, derma kewangan dan sebagainya semata-mata memberikan untuk kegembiraan kepada golongan yang memerlukan ini cahaya kerian dan membantu meringankan bebanan mereka.

Selain itu, menghayati erti

kemenangan di hari raya ini juga adalah hasil dari manifestasi pembersihan jiwa dan tubuh kerana telah berhasil menjalankan ibadah puasa dan ibadah-ibadah lainnya seperti tadarus dan khatam Al-Quran, Solat Tarawih, Solat Taubat, Qiamullail dan sebagainya dengan penuh khusyuk semata-mata untuk mendapatkan ganjaran yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon pengampunan dari-Nya dan

berebut untuk mencari dan meraih malam lailatulqadar.

Justeru umat Islam dianjurkan untuk merayakan Aidilfitri dengan melakukan beberapa amalan utama antaranya memperbanyakkan Takbir, mandi dan menghias diri dengan memakai pakaian yang bersih, menunaikan solat sunat Aidilfitri, mengunjungi rumah kerabat keluarga dan sahabat, saling memberikan ucapan selamat dan memohon kemaafan.

Kemenangan jiwa yang bersih inilah dapat menjauhkan kita dari memiliki perasaan hasad dengki, dan bersifat sombong. Selain itu dapat membentengkan diri daripada perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, meningkatkan sikap sabar, mengawal emosi, dan memberikan kecerdasan akal fikiran dalam menjadikan diri kita lebih istiqamah dalam beribadah.

Bijak pilih makanan sihat semasa beraya



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MUARA, Selasa, 16 April. - Hari Raya Aidilfitri adalah perayaan yang sering ditunggu-tunggu oleh umat Islam seluruh dunia setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa selama sebulan.

Aidilfitri merupakan satu momen yang indah kerana kita dapat berkumpul dengan keluarga besar selain menikmati pelbagai makanan Hari Raya.

Makanan adalah salah satu yang mesti ada di Hari Raya dan sering menjadi keutamaan bagi para pengunjung yang bertandang ke rumah kita. Namun, dalam kita menikmati hidangan berkenaan, kita perlu tetap menjaga pemakanan terutamanya jika kita

mempunyai berat badan yang berlebihan ataupun mempunyai penyakit tertentu yang memerlukan kita memberi perhatian terhadap pola makan kita.

Semasa kita mengunjungi Rumah Terbuka, kita perlu memilih makanan yang lebih sihat seperti masakan jenis panggang atau bakar berbanding goreng dan hidangan tinggi lemak, serta memilih makanan yang mengandungi protein tanpa lemak, bijirin penuh dan sayur-sayuran, selain mengawal jumlah makanan bagi setiap sajian untuk mengelakkan makan secara berlebihan.

Semasa musim perayaan ini, apabila berkunjung ke rumah-rumah keluarga, sanak saudara mahupun rakan-rakan, kita akan disajikan dengan pelbagai jenis

hidangan, kuih-muih dan minuman.

Antara makanan yang biasa dihidangkan adalah seperti lemang, ketupat, soto, nasi dan pelbagai macam lagi. Namun begitu, kita disarankan agar bijak memilih makanan dan sentiasa mengamalkan pemakanan yang sihat.

Pengambilan makanan yang tidak terkawal boleh menyebabkan peningkatan berat badan secara mendadak yang boleh mengakibatkan risiko kepada penyakit kronik.

Oleh itu, amalkan pengambilan makanan dengan mengikut panduan makan secara sihat kerana ia akan membantu kita menikmati makanan semasa musim perayaan tanpa menjejaskan kesihatan kerana pemakanan yang seimbang



DALAM kita menikmati hidangan semasa Hari Raya Aidilfitri, kita perlu tetap menjaga pemakanan dan kita disarankan agar bijak memilih makanan dan sentiasa mengamalkan pemakanan yang sihat (kiri dan atas).

adalah kunci untuk tabiat makan yang sihat.

Pilih makanan yang mengandungi tinggi fiber dan berkalori rendah yang kurang garam, kurang gula dan rendah lemak serta pilih air putih daripada minuman berkarbonat atau yang manis.

Dalam temu bual bersama Dayang Hajah Salmiah binti Haji Omar, 56 tahun, dari Kampung Perpindahan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Serasa Muara menasihatkan kepada orang ramai untuk berjaga-jaga dalam memilih atau menjamu selera agar tidak mengambil makanan berlebihan walaupun sempena Rumah Terbuka.

Menurutnya lagi, pilihan makanan semasa di Hari Raya terlalu banyak, dan dalam hal ini ia boleh menyebabkan kita berasa ingin merasainya dengan mengambil pelbagai jenis makanan secara lebih daripada biasa.

"Perlu kita tahu dalam pemilihan makanan terutama jenis sayur

yang tidak bersantan, kita perlu kurangkan jumlah kuah santan yang kita ambil kerana pengambilan banyak santan akan mengandungi lemak yang tinggi," jelasnya.

Beliau juga turut menjelaskan jika makan secara berlebihan ketika juga boleh menyebabkan obesiti dan penyakit berkaitan seperti diabetes serta jantung dan perlulah mengamalkan makan dalam saiz hidangan atau kuantiti yang kecil.

"Pilih makanan yang rendah kalori seperti buah-buahan serta makanan yang kurang minyak, lemak dan santan serta pilih makanan tinggi serat untuk mengelakkan sembelit.

"Sekiranya kita makan tanpa memikirkan kandungan lemak dan gula, maka kalori di dalam badan akan meningkat dengan cepat dan menyebabkan berat badan meningkat sekali gus mengundang penyakit seperti diabetes, darah tinggi dan jantung," ujarnya lagi.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Selasa, 16 April. - Kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri bukan sahaja diraikan bersama kaum keluarga terdekat, malah turut diraikan dengan sanak saudara yang jauh, jiran tetangga, kenalan dan juga sahabat handai.

Syawal yang disambut selama sebulan memberi peluang untuk kita ziarah menziarahi, mengukuhkan ukhuwah sambil bermaaf-maafan atas segala salah dan silap.

Warga Perkhidmatan Awam di jabatan-jabatan kerajaan kembali bertugas selepas cuti awam yang panjang sempena Hari Raya Aidilfitri dan anak-anak juga mulai kembali bersekolah selepas cuti penggal persekolahan berakhir.

Walaupun cuti Hari Raya berakhir, namun kehangatan sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi terasa dan meriah dengan suasana pejabat di

jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian tidak ketinggalan dihiasi dengan pelbagai dekorasi menarik sempena Hari Raya.

Seperti di rumah, suasana Hari Raya di tempat kerja juga tidak kurang meriahnya apabila setiap unit dan bahagian berlumba-lumba menghias pejabat masing-masing dengan dekorasi Hari Raya termasuk lampu-lampu cucul yang bergemerlapan menyerikan lagi sambutan berkenaan.

Malah, konsep Rumah Terbuka yang sering dianjurkan di rumah sendiri juga turut diadakan di pejabat dan tempat kerja.

Ini kerana amalan Rumah Terbuka menjadi platform kepada mengukuhkan lagi hubungan silaturahim sesama insan.

Suasana berhari raya di tempat

KEMERIAHAN HARI RAYA AIDILFITRI TETAP DIRASAI



KEHANGATAN sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi terasa dan meriah dengan suasana pejabat di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian tidak ketinggalan dihiasi dengan pelbagai dekorasi menarik sempena Hari Raya (atas kiri dan atas).

kerja bertambah meriah apabila setiap unit atau bahagian masing-masing membuat *mini open office* dengan menjemput rakan-rakan sekerja dari bahagian lain berkunjung ke bahagian mereka untuk berziarah sambil bermaaf-maafan dan mengukuhkan ukhuwah yang sekian lama terjalin.

Pelbagai jenis juadah Hari

Raya daripada Ketupat, Lemang, Rendang, Sate, kuih-muih dan kek yang pelbagai jenis serta warna turut dihidangkan di atas meja dengan dihias cantik bagi mengalukan kehadiran rakan dan taulan yang berkunjung.

Lebih menarik lagi, juadah yang dihidangkan ada yang mengikut tema seperti masakan Melayu,

masakan western, hidangan jepun dan sebagainya.

Apa yang penting, Hari Raya bukan sahaja tentang pelbagai hidangan yang dijamu, malah ia adalah kesempatan untuk kita bertemu dan bersalaman bagi memperbaharui hubungan bersama rakan sekerja dan menjalin persahabatan dengan yang baharu.



MINDA PEMBACA

Kepentingan persiapan kewangan untuk hari tua

PERSEDIAAN kewangan untuk hari tua adalah suatu aspek penting dalam kehidupan seseorang yang sering kali dilupakan. Hari tua merupakan fasa kehidupan yang memerlukan perancangan kewangan yang cermat bagi memastikan kesejahteraan dan keseimbangan kewangan pada masa hadapan. Oleh itu, perancangan kewangan selepas bersara menjadi penting untuk memastikan kesejahteraan kita pada masa hadapan, terutamanya dalam membebaskan diri daripada segala hutang.

Memiliki pelan persaraan yang baik dapat membantu seseorang menjalani masa bersara dengan lebih tenang, tanpa harus bimbang mengenai bekalan

kewangan hari tua. Pentingnya pengurusan kewangan yang teratur dan berperancangan tidak dapat disangkal, mengingat kita sebagai manusia tidak akan terlepas dari menghadapi masalah kewangan. Inisiatif baru dalam pengurusan kewangan penting untuk meningkatkan kesejahteraan pada masa hadapan.

Langkah pertama yang perlu diambil adalah menyemak dan menyusun semula kewangan peribadi, serta mengurangkan perbelanjaan yang tidak penting jika melebihi kemampuan. Selain itu, penting untuk mengelakkan daripada berhutang, terutama untuk perkara yang tidak berfaedah. Amalan menabung juga penting untuk membuat persediaan bagi

keadaan darurat dan untuk keperluan masa depan seperti pendidikan anak-anak atau perbelanjaan kesihatan.

Menabung juga membantu dalam merancang perbelanjaan, memberikan jaminan di masa hadapan, dan membolehkan pelaburan untuk tujuan seperti membeli rumah atau tanah. Tambahan pula, simpanan wang juga memungkinkan kita untuk menunaikan ibadah seperti sedekah atau wakaf, serta untuk menunaikan ibadah haji. Dengan mengamalkan langkah-langkah ini, kita dapat meningkatkan keselamatan kewangan dan memberikan ketenangan fikiran untuk masa hadapan.

Secara keseluruhannya, persiapan

kewangan untuk hari tua adalah penting bagi memastikan kesejahteraan dan keseimbangan kewangan pada hari tua. Dengan merancang dengan bijak dan membuat simpanan secara konsisten sepanjang hayat, seseorang dapat menikmati hari tua dengan penuh keyakinan dan keselesaan. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk memulakan persiapan kewangan untuk hari tua sejak muda bagi memastikan masa depan yang lebih stabil dan sejahtera.

Nama : Ampuan Mohamad Khairul Anuar
bin Ampuan Mohamad
No. K/P : 00-314XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Membangun Masyarakat Bebas Rasuah'. Tarikh Tutup : 17 April 2024
2. 'Mewujudkan Persekitaran Inklusif Untuk Autisme'. Tarikh Tutup : 24 April 2024
3. 'Erat Silaturahim Sesama Jiran Tetangga'. Tarikh Tutup : 1 Mei 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KEPENTINGAN PENYIMPANAN REKOD PERNIAGAAN DITEKANKAN



SEKITAR Sesi Taklimat Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249 yang berlangsung di di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (atas dan bawah).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) mengadakan Sesi Taklimat Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249 pada Rabu, 3 April 2024 yang berlangsung di Dewan Teater, MOFE.

Taklimat bertujuan untuk memastikan peniaga-peniaga memahami dan mematuhi peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pengarah di Bahagian Hasil, MOFE, Awang Haji Mohammad Hassenol bin Awang

Haji Abd. Rahman, yang antara lain menjelaskan berhubung keperluan bagi setiap entiti perniagaan di Negara Brunei Darussalam untuk menyimpan rekod-rekod perniagaan dengan teratur sekurang-kurang untuk tempoh lima tahun selaras dengan Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249.

Turut menyampaikan taklimat adalah Ahli Majlis BICPA, Awang Haji Shazali bin Tan Sri Haji Sulaiman, yang telah menekankan tentang keperluan penyimpanan buku dan faedah penyediaan Penyata Kewangan yang akan membantu pemilik perniagaan dalam membuat perancangan kewangan yang teratur, membuat keputusan kewangan bagi perniagaan dan menarik pelabur-pelabur berpotensi.



Kenali Bahasa Brunei

Pandiatu bermaksud waktu dahulu atau masa yang lepas.

Contoh pemakaian kata : **pandiatu** kami tinggal di Kampung Pandai Amas yang masa ani jadi Taman Mahkota Jubli Emas ah.

Pandidik atau **pandidip** bermaksud mancis atau korek api.

Contoh pemakaian kata : bapa maminta **pandidik** dari babu kan maunun bagas tabas-tabasannya di balakang rumah atu.

Pangajatan bermaksud penyakit yang dihadapi atau ditanggung dalam jangka masa yang lama dan biasanya sakitnya menyerang berulang-ulang.

Contoh pemakaian kata : batisnya yang bagas patah masa tapalicuk dauu atu tah jadi **pangajatannya**, inda kan dapat kasalahan.

Pangling bermaksud lengah, lalai, atau alpa.

Contoh pemakaian kata : babu kancang bapasan jangan **pangling** mambawa kanak-kanak tempat urang ramai, bauri ia mandangar karang ani macam-macam udah kajadian.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Ayam cili ketumbar RPN Kampung Rimba

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BAHAN-BAHANNYA BAHAN A

500 gram isi ayam (dipotong, dibersihkan dan digaul bersama tepung Bestari)
Sos Plum
Nenas dipotong dadu
Lada benggala dipotong dadu
Garam dan gula secukupnya
Minyak masak untuk menggoreng dan menumis

BAHAN B (untuk dikisar)

1 biji bawang besar
5 ulas bawang merah
6 ulas bawang putih
2 batang serai
3 sentimeter halia
4 biji cili merah

BAHAN C (disangai dan dikisar)

5 sudu makan biji ketumbar
1 sudu makan biji jintan manis
1 sudu makan biji jintan putih

CARA MEMASAK

Goreng ayam yang digaul bersama tepung Bestari. Ketepikan.

Tumis Bahan B hingga naik bau. Seterusnya masukkan Bahan C dan kacau lagi. Setelah itu masukkan sos plum, garam dan gula secukupnya.

Akhir sekali masukkan nenas, lada benggala dan ayam yang telah digoreng lalu digaul rata. Tutup api dan sedia untuk dihidang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V

Kategori :
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**

2 April 2024
(Selasa)

Tidak lewat dari jam 12.00 Tengah
Hari

Tarikh Tutup :
23 April 2024
(Selasa)

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :

JKR / DME / BOP-ACM / 04 / 2024

Nama Projek :

Kerja-Kerja Penggantian Chiller
No. 3 Dan Chiller No. 4
Di Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi (Fasa 2)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Rujukan dan Tajuk
Tawaran:**

MINDEF / DFA / RC / 296 (3)
Insurance For Technical Equipment
Maintenance Division –
Five (5) Years Contract

Tarikh Mula Tawaran :
15 April 2024

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran ialah **Isnin,
7 Mei 2024.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
21 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dalam

Kelas :
Terbuka

Kategori :
Terbuka

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Sabtu,
6 April 2024

Tarikh Tutup :
Selasa, 23 April 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
KHEDN / LTK / 2024-03

Nama Projek:

Kontrak Penggal Bagi Penyewaan
Dan Pemasangan Khemah-
Khemah Dan Kelengkapan Serta
Perhiasan Di Ke Empat Daerah
Sempena Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Bilangan Projek:
KHEDN / BPE / B01303-05

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan Universiti Islam
Sultan Sharif Ali**

Bilangan Tawaran EOI:
UNISSA / EOIO001 / 2024 / 2025

Iklan Pemberitahuan Tawaran:
Invitation For Expression Of
Interest (EOI) To Supply And
Install Including Electric Line,
Plumbing And Aeration Line Works
Of Proposed Freshwater Tilapia,
Carps, And Catfishes'
Fish Hatchery At Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Campus Sinaut Tutong

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
15 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 016 / 2024

Tajuk Tawaran:
Proposed Protection Grading
and Dynamic Studies For 66kv
Networks Statewide

Tarikh Tutup :
Selasa 7 Mei 2024,
jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
'Tender Box'

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
KHEDN / 75 / 1.4 / 3-2023

Tajuk Tawaran:
Tawaran Selama Tiga (3) Tahun
Bagi Membekal Dan Menghantar
Pakaian Seragam Penghulu
Mukim, Ketua Kampung Dan
Ketua Rumah Panjang

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
24 April 2024,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II dan III sahaja

Kategori :
B01 dan E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Selasa, 30 April 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM007 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM / JKR.02

Nama Projek:

Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bagi
Bahagian Perlaksanaan Projek
(BPP), Jabatan Kemajuan, Blok A,
Tingkat 2, INU Pejabat
Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
(02/24) KPN / DPK / PROC / 2024
/ 2025

Tajuk:
General Housekeeping Services
For The Ministry of Development
Building, Jalan Pembangunan,
Berakas Brunei Darussalam for
A Period of 3 Months

Bayaran Yuran Dokumen

Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Rabu,
17 April 2024

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**

Selasa,
30 April 2024

Tarikh Lawatan Tapak (Site Visit):

Khamis,
2 Mei 2024,
Bermula jam 9.00 Pagi

Tarikh Tutup:
Isnin,
13 Mei 2024
Jam sebelum 9.00 Pagi



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 03

Tajuk Tawaran:
"To Install Signages And
information Board At Kampong
Ayer Concrete Walkway"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 2 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 01

Tajuk Tawaran:
Pencetakan Buku Panduan
Pemandu Pelancong, Edisi ke Tiga

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



جانبی کاجی چوچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran Bagi :
The Two Years (24 Months) Term
Contract For Cleaning BDMD
Building At Block B23, Flat
Anggerek Desa, Simpang 32-
37, Kg. Anggerek Desa BB3713
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-01

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 April 2024



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH /
2024-2025 / 04

Tajuk Tawaran:
"Provision of Workshop Facilitator
Services for Tourism Service
Providers Enhancement Program
2024"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
2 Mei 2024, Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Jabatan Ukur
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JUA / 02 / 2022
Upgrading And Migrating The
Current Geoportal Technology
To The Latest Version Hosted
At OGPC And NCDB With
Support And Maintenance For
Survey Department, Ministry Of
Development

Yuran Tawaran :
BND1000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Jun 2024 bersamaan
26 Zulkaedah 1445H
tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran:
UBD / E8 / 002 / 2024 – (T)

Tajuk Tawaran :
The Supply, Installation, And
Training Of A Selective Powder
Deposition-Based 3d Metal Printer
With The Provision Of Sintering
At The Faculty Of Integrated
Technologies (Fit), Universiti Brunei
Darussalam

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran
(termasuk e-Dokumen)
BND15.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
30 April 2024, jam 2.00 Petang



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah Syariah
2005

Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam

Permohonan No. :
KB / MRS / MAL-B / P002A / 0059
/ 04-2024

Antara

Nurulamy Liza binti Abdul
Rashid
- Plaintiff / Pemohon

Dan

Abdul Rashid bin Abdullah @
Tandang Anak Mejang
- Defendan / Responden

Kepada : Abdul Rashid bin
Abdullah @ Tandang Anak
Mejang, beralamat [alamat terakhir]
:- Tidak Diketahui.

Sila ambil perhatian bahawa
Nurulamy Liza binti Abdul

Rashid, pemohon yang dinamakan
di atas akan memohon kepada
Hakim dalam Kamar di Mahkamah
Rendah Syariah di Daerah Belait
pada Selasa, 14 Syawal 1445H /
23 April 2024M, jam 11.00 Pagi
untuk mendapatkan perintah
bahawa :-

1. Memohon Bernikah Secara
Berwalikan Hakim Kerana Wali
Tidak Boleh Dikesan

atas alasan yang dinyatakan dalam
afidavit yang dilampirkan

Sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingkar hadir di mahkamah
pada hari dan masa yang
ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengar dan
memutuskan kes tanpa kehadiran
kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika
kamu ingin membela diri terhadap
tuntutan tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini dan
menyampaikan kepada Plaintiff
suatu pembelaan dalam Borang
yang ditetapkan sebelum tarikh
yang disebut di atas atau hadir di
Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh :
28 Ramadan 1445H / 8 April
2024M

Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Rujukan dan Tajuk
Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / TU /
TA / 01

Pembelian Alat Kelengkapan Bagi
Air Movement Centre,
Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)



Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah dua
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Isnin,
29 April 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Mei 2024.
Jam 2.00 Petang

JKR
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Open

Kategori :
KPB11 / KPB11A
(Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 30 April 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 14 Mei 2024,



Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 10 / STE / 2024-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Struktur dan Endapan
Tanah Bagi Sekolah Rendah
Kiarong

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :
E-MEL :
iklan.pb@information.gov.bn
BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebij
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg




1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebij ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

PASTIKAN KELENGKAPAN SEKOLAH SIAP SEDIA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SEBAGAI pelajar di malam sebelum hari persekolahan, ibu bapa setentunya akan memastikan pakaian dan peralatan sekolah sudah siap disediakan oleh anak-anak agar tiada yang bercirikan terutama sekali buku-buku persekolahan.

BANDAR SERI BEGAWAN, sekolah-sekolah di
Isnin, 15 April. - Sudah pasti seluruh negara dijangka
jalan-jalan raya menuju ke kembali sesak ketika para pelajar



dan guru kembali ke kelas masing-masing selepas menikmati cuti panjang sempena Hari Raya Aidilfitri.

Bukan para pelajar dan guru sahaja, seluruh warga perkhidmatan awam juga akan kembali bertugas seperti biasa dan sudah tentu mereka yang mempunyai anak akan sibuk menghantar dan mengambil anak-anak dari sekolah masing-masing.

Sebahagian pelajar juga ada yang bakal menduduki peperiksaan hujung bulan ini dan peperiksaan pertengahan tahun dan semestinya bagi para pelajar ini, musim perayaan dan peperiksaan yang datang serentak adalah satu cabaran yang besar bagi diri mereka.

Sepanjang cuti, mereka yang tidak akan menduduki peperiksaan biasanya sibuk menyiapkan kerja-kerja rumah walaupun di saat-saat akhir.

Anak-anak kecil sudah pasti berasa gembira untuk kembali ke sekolah kerana dapat bertemu dengan kawan-kawan yang hampir sebulan tidak berjumpa.

Sebagai pelajar di malam sebelum hari persekolahan, ibu bapa setentunya akan memastikan pakaian dan peralatan sekolah sudah siap disediakan oleh anak-anak agar tiada yang bercirikan terutama sekali buku-buku persekolahan.

Sementara itu dalam perkembangan di sempadan, Pos Kawalan Kuala Lurah dan Sungai Tujoh, turut mengalami kesesakan teruk pada hari ini dan semalam, ketika orang ramai kembali ke negara ini selepas cuti Hari Raya selama lima hari.

SUDAH pasti jalan-jalan raya menuju ke sekolah-sekolah di seluruh negara dijangka kembali sesak ketika para pelajar dan guru kembali ke sekolah selepas menikmati cuti panjang sempena Hari Raya Aidilfitri.

Sertai Bengkel Penghayatan dan Penerapan Ibadah Solat

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Infografik : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Kajian Fiqh al-Ushrah akan menganjurkan Bengkel Penghayatan dan Penerapan Ibadah Solat iaitu pada Isnin dan Selasa iaitu pada 22 dan 23 April ini.

Bengkel akan diadakan di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

Yuran penyertaan bengkel adalah sebanyak BND35 dan tarikh tutup pembayaran adalah pada Rabu, 17 April 2024.

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi Setiausaha Bengkel berkenaan, Dayang Siti Musfirah binti Misli menerusi talian +673 874 6317. Maklumat terkini berkaitan KUPU SB juga boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi KUPU SB iaitu www.kupu-sb.edu.bn dan Instagram rasmi @kupusb_official.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بيشكيل قعحياتن دان قنثرن عبادة صلاة

BENGKEL PENGHAYATAN DAN PENERAPAN IBADAH SOLAT

ANJURAN

Pusat Kajian Fiqh al-Ushrah

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

ISNIN & SELASA
22 & 23 APRIL 2024 MASIH
DEWAN TARBİYAH, KUPU SB

TEMA: سبيل تياغ اكلام
Sembahyang Tiang Agama

MODUL 1 PENSYARIATAN SOLAT & FADILATNYA Yang Mulia Ustaz Dr. Akhbar Ruzidi PENYELANGKUPAN PROFESOR FAKULTI USULUDDIN KUPU SB	MODUL 5 12 PERKARA KE ARAH KESEMPURNAAN SOLAT Yang Mulia Ustaz Dr. Kaji Mohd. Syedman dan Kaji Mohd. Ismail DEKAN FAKULTI SYARIAH KUPU SB
MODUL 2 KAFIYAT SOLAT MAZHAB SYAFI'IE Yang Mulia Ustaz Dr. Akhbar Ruzidi dan Akhbar Kaji Fakir PENYELANGKUPAN FAKULTI USULUDDIN KUPU SB	MODUL 6 SOLAT MUSAFIR Yang Mulia Ustaz Dr. Kaji Mohd. Syedman dan Kaji Mohd. Ismail PENYELANGKUPAN FAKULTI USULUDDIN KUPU SB
MODUL 3 PENERAPAN SOLAT SUNAT DALAM KELUARGA Yang Mulia Ustaz Dr. Kaji Mohd. Syedman dan Kaji Mohd. Ismail PENYELANGKUPAN FAKULTI USULUDDIN KUPU SB	MODUL 7 SOLAT DAN KESIHATAN HOLISTIK Yang Mulia Ustaz Dr. Akhbar Ruzidi dan Kaji Mohd. Ismail PENYELANGKUPAN FAKULTI USULUDDIN KUPU SB
MODUL 4 SOLAT ORANG SAKIT Yang Mulia Ustaz Dr. Akhbar Ruzidi dan Kaji Mohd. Ismail PENYELANGKUPAN FAKULTI USULUDDIN KUPU SB	MODUL 8 KESAN SOLAT KE ATAS KERUKUNAN RUMAH TANGGA Yang Mulia Ustaz Dr. Kaji Mohd. Syedman dan Kaji Mohd. Ismail PENYELANGKUPAN FAKULTI USULUDDIN KUPU SB

YURAN PENYERTAAN: BND 35.00
HARI & TARIKH TUTUP PENYERTAAN: RABU, 17 APRIL 2024 MASIH

UNTUK PENYERTAAN & SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, SILA HUBUNGI:
SITI MUSFIRAH BINTI MISLI
SETIAUSAHA BENGKEL Penghayatan dan Penerapan Ibadah Solat
+673 874 6317

Bersederhana sambut lebaran

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAHAN ALLAH
كلولأن قوسه دعوه اسلاميه

ALHAMDULILLAH pada hari ini kita telah berada di bulan Syawal, iaitu Hari Raya Aidilfitri. Sudah menjadi kelaziman kita akan berbelanja lebih daripada hari-hari biasa. Dalam keseronokan kita meraikan bulan Syawal, perlu juga ditekankan bahawa Hari Raya bukan hari untuk melakukan pembaziran.

Sebenarnya agama Islam adalah agama yang mudah dan tidak mahu umatnya hidup susah kerana itu kita dinasihatkan supaya hidup sentiasa bersederhana, tidak berlebihan dan membazir, contohnya dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri ini, sambutlah secara sederhana dan berhemah, jangan terlalu ikut hati sehingga berbelanja lebih dari kemampuan dan menyusahkan diri, jangan jadikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri untuk bermegah-megah dan bermewah-mewah sehingga berlaku pembaziran dan menjadikan kita bersifat riyak. Biarlah kita menjadi umat yang sederhana, tidak melampau dan tidak keterlaluan dalam semua hal.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala

dalam Surah Al-Israa', ayat 26 - 27 yang mafhumnya :

"Dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang membazir (membelanjakan harta pada yang jalan salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya".

Sememangnya kita dianjurkan bergembira menyambut kehadiran 1 Syawal. Akan tetapi kegembiraan menyambutnya perlulah berpada-pada. Persediaan bagi menyambut kehadiran Aidilfitri janganlah kita selitkan

dengan rasa sombong, bongkak dan riyak terhadap jiran-jiran dan sahabat handai. Apa yang dimaksudkan di sini ialah keghairahan sesetengah pihak yang berbelanja besar untuk menghias rumah dan menukar serba-serbi baru menjelang tibanya Aidilfitri, dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk. Dalam sebuah hadis Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Iyad bin Himar dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepadaku supaya kamu merendahkan diri sehingga seseorang tidak akan bermegah ke

atas yang lain".

Adapun tujuan utama Hari Raya Aidilfitri itu adalah untuk meraikan kejayaan hamba-hamba Allah yang telah melaksanakan ibadat puasa dengan penuh keimanan dan ketakwaan kerana itu sambutan yang dilakukan juga biarlah atas landasan agama dan tetap menjadi ibadat.

Janganlah menyambut kehadiran hari-raya ini sehingga memerangkap diri dan jangan membuat persediaan berlebihan atau di luar batas kemampuan diri sehingga terpaksa berhutang. Namun begitu tidak pula bermakna kita dilarang untuk tidak langsung mempersiapkan diri dan keluarga untuk Hari Raya, malah kita juga disarankan agar melakukan persediaan yang seadanya dan semampunya mengikut kemampuan dan keperluan. Ingatlah hidup dengan bersederhana itu lebih indah malah banyak manfaatnya kepada kita kerana masih banyak lagi keperluan sampingan yang perlu untuk kita penuhi. Umpamanya keperluan berkeluarga dalam memenuhi kehendak anak-anak yang masih bersekolah.

Maka jelas sekali kehadiran 1 Syawal itu bukannya alasan untuk kita berbelanja besar dan bermewah-mewah, apatah lagi dengan tujuan untuk bermegah-megah.

"DAN janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang membazir (membelanjakan harta pada yang jalan salah) itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhan-Nya".

KONGSI DETIK BERAYA DI KAMPONG AYER



NEGARA Brunei Darussalam dengan keunikan Kampong Ayer yang terbesar di rantau ini juga tidak kurang meriahnya apabila meraikan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri (kiri dan atas).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Haji Yusli Haji Ashli

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 April. - Negara Brunei Darussalam dengan keunikan Kampong Ayer yang terbesar di rantau ini juga tidak kurang meriahnya apabila meraikan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Tidak dinafikan bahawa kebanyakan penduduk dari Kampong Ayer berpindah ke darat dan ia sedikit sebanyak mempengaruhi jumlah keramaian penduduk dalam satu kampung itu dan kemeriahan suasana keraian perayaan.

Meskipun demikian, ada sebahagian kaum keluarga juga masih tinggal di Kampong Ayer dan terus menjalani kehidupan terutama sekali mereka yang bergantung kepada hasil laut umpamanya

bekerja menangkap ikan dan sebagainya bagi menampung dan menyara keluarga.

Hikmah Aidilfitri ini dapat kita rasakan mempereratkan hubungan ukhuwah sesama kita dan adanya tradisi ziarah-menziarahi setentunya memberikan iktibar dan manfaat terutama sekali kepada golongan muda.

Ketua Bahagian Belia Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Yusli bin Haji Ashli semasa ditemu bual menjelaskan, berkunjung sempena menyambut Syawal ini mampu memupuk kemesraan dan jalinan mahabbah masing-masing.

"Kami sempat berpeluang menaiki perahu tambang yang setentunya memberikan keseronokan anak-anak muda terutama sekali mereka yang baru pernah dan jarang sekali

untuk menaiki perahu tambang," katanya semasa hendak beraya ke Kampung Bakut Berumput.

Adanya tradisi kunjung-mengunjung ini sudah pasti akan memberikan para belia pengetahuan dalam mengenal nama-nama kampung yang terdapat di Kampong Ayer di samping melihat sendiri keunikan apabila berjalan di atas 'titian' atau gelaran masyarakat Kampong Ayer iaitu 'Titian Pail' masih kekal digunakan yang diperbuat daripada kayu.

Tambahnya, momen seumpama ini sesungguhnya berharga buat para belia dalam mengenal sebahagian warisan yang masih dipraktikkan dan kemesraan yang ditunjukkan oleh masyarakat di Kampong Ayer serta ia akan terus menjadi satu ristaan pada masa akan datang.


 سورونجاي فرخدمتن عوام
 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**INGIN MENGETAHUI TARIKH
UJIAN / TEMU DUGA AWDA?**



**Layari www.recruitment.gov.bn
dan semak "Kalendar Saya"**

 +673 7371961
 
 PSC.BN
  query@spa.gov.bn

Tip

Pendidikan



Tip bantu semangat ke sekolah selepas cuti

1. **CIPTA** rutin harian yang menyeronokkan. Sediakan waktu untuk melakukan aktiviti yang mereka minati setiap hari, seperti membaca buku, bermain dan sebagainya.
2. **PERSIAPKAN** peralatan sekolah pada sebelah malam seperti buku teks, alat tulis dan beg sekolah bagi mengelakkan situasi terburu-buru dan mencari-cari barang-barang sekolah pada waktu pagi.
3. **SEDIKAN** makanan pagi dan bekal yang berkhasiat untuk memberi tenaga yang cukup kepada anak-anak jalani pembelajaran di sekolah.
4. **PASTIKAN** anak-anak mendapat masa rehat yang mencukupi sebelum tidur. Amalkan aktiviti santai seperti membaca buku cerita dan hindari penggunaan teknologi seperti telefon pintar atau tablet. Dengan tidur yang berkualiti, anak-anak akan berasa segar dan bertenaga untuk ke sekolah.

BIBD, PPB ADAKAN TEMU DUGA SECARA TERBUKA

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sukacita mengumumkan, sebagai usaha kolaboratif bersama Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) untuk menganjurkan temu duga secara jumpa terus yang bertujuan untuk mencari bakat menyertai pasukan perkhidmatan pelanggan bank yang semakin berkembang.

Sebagai sebuah organisasi dinamik yang berkembang pesat, BIBD secara aktif mengembangkan tenaga kerja perkhidmatan perhubungan BIBD untuk membantu menangani

pangkalan pelanggan bank yang semakin meningkat.

Dengan mengembangkan pasukan pusat perhubungan pelanggan, BIBD menyasarkan untuk mengurangkan masa menunggu dengan ketara dan memastikan semua panggilan dijawab dengan segera.

Ini seterusnya akan membolehkan BIBD menyampaikan pengalaman pelanggan yang lebih cekap dan lancar, meneruskan komitmennya terhadap perkhidmatan yang luar biasa, prinsip teras DNA perkhidmatan pelanggan BIBD.

Usaha kerjasama dengan PPB

berkenaan menekankan lagi dedikasi BIBD untuk menyokong pembangunan tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan meningkatkan kadar pekerjaan di NBD.

Temu duga secara jumpa terus berkenaan akan diadakan pada Jumaat, 19 April 2024 di PPB, Beribi dengan matlamat BIBD untuk mendapatkan sehingga 40 pekerja baharu.

Calon adalah dialu-alukan untuk hadir antara dua slot masa yang ditetapkan, iaitu jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Pemohon yang berjaya akan menjalani sesi onboarding selama

dua hari yang komprehensif, diikuti dengan latihan selama seminggu di tempat kerja.

Program berstruktur berkenaan melengkapkan pekerja baharu dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memudahkan mereka mencapai kecemerlangan pada masa hadapan.

Calon yang berjaya juga akan berpeluang memainkan peranan penting dalam Pasukan Perkhidmatan Pelanggan BIBD sebagai Ejen Pusat Perhubungan, menyampaikan sokongan luar biasa melalui pelbagai saluran komunikasi, termasuk panggilan telefon, e-mel dan ruangan sembang.

BIBD menggalakkan individu yang berminat dengan semangat untuk perkhidmatan pelanggan dan keinginan untuk membina kerjaya yang cemerlang dalam industri perkhidmatan kewangan agar menghadiri temu duga secara terbuka berkenaan.

Inisiatif pengambilan pekerja berkenaan juga dilaksanakan untuk menangani kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan apabila cuba menghubungi BIBD melalui Pusat Perhubungannya.

BIBD juga ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan, dan terima kasih kepada pelanggan atas kesabaran dan pemahaman mereka.

Baju raya sedondon pupuk ikatan kekeluargaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BAJU raya sedondon merupakan salah satu fesyen yang diminati oleh banyak keluarga dan memakai pakaian raya sedondon menunjukkan keluarga yang harmoni dan ceria (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, berbaju baharu pada Hari Raya Isnin, 15 April. - Kita digalakkan Aidilfitri dan salah satu cara

untuk kita memupuk semangat kekeluargaan adalah dengan berpakaian baju raya sedondon. Trend berpakaian sedondon bukan sahaja terhad dalam kalangan ahli keluarga sahaja malahan sesiapa sahaja boleh menggunakannya seperti sahabat rapat dan lain-lain.

Setiap kali Hari Raya menjelang ia seolah-olah menjadi budaya bagi setiap keluarga untuk berpakaian sedondon mengikut tema pilihan keluarga masing-masing bagi menjadikan sambutan Aidilfitri lebih bermakna dan meriah.

Baju raya sedondon merupakan salah satu fesyen yang diminati oleh banyak keluarga dan hal ini sangat munasabah kerana setiap keluarga ingin kelihatan harmoni termasuk setelah tibanya hari raya yang merupakan hari paling menggembirakan umat Islam di seluruh dunia.

Dalam dunia moden ini ada anak-anak yang sudah meningkat

dewasa mereka ada cita rasa sendiri, mereka hendak mencari fesyen sendiri kerana bagi mereka sudah masa ini bertukar selera masing-masing mengikut trend setiap tahun.

Pakaian sedondon merupakan salah satu pakaian yang mempunyai keseragaman dari reka bentuk dan warna. Memakai pakaian raya sedondon, bukan sahaja membuatkan orang tahu daripada keluarga mana, tetapi ia juga menunjukkan keluarga yang harmoni dan ceria. Pakaian sedondon yang berwarna-warni menjadi pilihan kerana ia merupakan salah satu warna dalam rangkaian warna yang cerah.

Mungkin baju raya warna sedondon itu nampak ceria apabila bergambar sekeluarga. Malah ada yang menempah awal baju raya memandangkan tukang jahit ada tempoh tertentu di mana mereka tidak mahu menerima tempahan lebih dari waktu



tersebut. Kebiasaan dalam hal ini wanita sangat arif membuat pilihan untuk menentukan warna tema untuk pasangan mahupun keluarga.

ALAI PINTAR 123

SOALAN 17 APRIL 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

- Rukun wudhu ada berapa perkara?
a) 2 perkara
b) 6 perkara
c) 10 perkara
- Antara berikut, nombor manakah yang paling besar?
a) 208
b) 400
c) 100
- Dimanakah letaknya Muzium Alat Kebesaran Diraja?
a) Sungai Akar
b) Bandar Seri Begawan
c) Kota Batu

TARIKH TUTUP: 27 APRIL 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

PEMENANG ALAI PINTAR 122	
Nama : Mohamad Adi Akid bin Mohamad Sahariffin	No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0144582-01. Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II Tutong
Nama : Nur Ziya Laiqa binti Md. Azri	No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0143912-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba II
Nama : Mohd. Ekram bin Mohd. Esra	No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0113521-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 122	
1.	A – bercakap besar tanpa ilmu
2.	C – bernafas
3.	B – 745

Warisan

Permainan tradisional penting dipertahankan

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

GENERASI baharu ketika ini kurang mengenali atau mengetahui permainan zaman nenek moyang kita dahulu disebabkan pada era gajet dan teknologi yang menyebabkan semuanya berubah.

Sayangnya permainan tradisional yang menunjukkan kebudayaan sesuatu tempat itu semakin terpinggir apabila kebanyakan daripada permainan itu kurang diketahui golongan muda kerana tidak didedahkan dari peringkat awal. Permainan tradisional merupakan warisan yang wajib kita pertahankan supaya kekal sehingga ke generasi yang akan datang. Sayangnya, kebanyakan anak muda zaman sekarang sudah tidak mengenali permainan tradisional.

Warisan kali ini mengetengahkan kepada pembaca satu permainan yang diberi nama Latup-Latupan Buluh.

Latup-Latupan Buluh

Latup-Latupan Buluh juga dikenali sebagai Senapang Pha. Ianya diperbuat daripada buluh kecil dengan lubang diameter berukuran 15 milimeter atau semuat-muat

masuk satu jari kelingking remaja lelaki. Strukturnya pula di mana permainan ini mengandungi dua bahan iaitu terdiri daripada rangka senapang dan pencucuk dengan keseluruhan panjang sekitar 35 sentimeter.

Permainan ini menggunakan kertas basah yang dibentuk menjadi bulat atau dengan menggunakan buah bonglai sebagai peluru. Senapang ini juga boleh dijadikan alat untuk memadam api atau kebakaran kecil dengan bentuk yang sama dengan latup-latupan buluh, cuma ianya menggunakan buluh berukuran diameter yang lebih dari 15 milimeter dan di hujung pencucuk dibalut dengan kain.

Syarat-syarat bermain

Latup-latupan buluh boleh dimainkan oleh kanak-kanak berusia 12 tahun hingga dewasa dan jumlah pemain pula dua orang atau lebih. Latup-latupan buluh ini sesuai dimainkan di kawasan luar rumah.

Cara permainan

Latup-latupan buluh, ianya dimainkan dengan menggunakan peluru daripada kertas yang telah dibasahkan dan dibulati sebanyak dua butir dan kemudiannya

dimasukkan ke dalam buluh tersebut. Kedua-duanya hendaklah padat apabila dimasukkan ke dalam lubang senapang dengan salah satunya bertindak sebagai penolak kepada peluru yang di hadapan. Untuk mengeluarkan pelurunya pula, tolak pencucuk secara mengejut, dan peluru yang di hadapan akan tercampak atau terpelanting keluar menuju ke sasaran lawan yang hendak ditembak.

Selain latup-latupan buluh, satu lagi permainan tradisional di zaman nenek moyang kita yang sepertinya sudah tidak dipraktikkan dan ditelan zaman iaitu Seruma Kereta Rajung.

Seruma Kereta Rajung

Permainan ini adalah kategori permainan lasak yang lebih sesuai untuk remaja lelaki dari peringkat umur 12 tahun ke atas. Perkataan 'seruma' diambil dari dialek puak Tutong. Memandangkan permainan ini dipelopori oleh puak tersebut yang diinspirasi setelah wujudnya kenderaan kereta. Permainan ini diperbuat dari papan dengan modelnya yang membentuk bahagian badan dan kepala serta dilengkapi dengan roda dan brek selaku pemberhenti gerakan

kereta.

Cara permainan

Permainan ini memerlukan sekurang-kurangnya dua buah atau lebih kereta rajung kerana ia dimainkan secara berlumba sama ada perseorangan atau dengan berpasukan bagi setiap sebuah kereta rajung. Permainan secara berlumba bertujuan untuk mengetahui siapa berani menggelongsor dari atas bukit yang curam.

Bagi pemain yang kurang mahir, adalah lebih sesuai bermain secara berpasukan kerana untuk memudahkan mengawal pergerakan kereta semasa menuruni bukit yang memerlukan brek atau membelok ke tempat penamat.

Kesimpulannya

Permainan tradisional adalah warisan budaya yang tidak ternilai. Meskipun dalam era digital ini semakin banyak permainan moden, penting untuk tetap mempertahankan permainan tradisional. Mereka tidak hanya menyediakan hiburan, tetapi juga mendorong interaksi sosial, membangun kecerdasan, dan menjaga nilai-nilai budaya dari generasi ke generasi.

Permainan tradisional merupakan

bagian dari budaya suatu bangsa. Dengan mempertahankan permainan tradisional, kita dapat memperkenalkan dan melestarikan warisan budaya kepada generasi muda. Hal ini penting agar mereka tidak melupakan nilai-nilai dan tradisi yang ada dalam permainan tersebut.

Dalam era digital seperti sekarang ini, anak-anak cenderung lebih sering terpaku pada gajet atau permainan video. Mempertahankan permainan tradisional dapat mengurangi ketergantungan mereka terhadap teknologi dan mendorong mereka untuk melakukan aktiviti secara fizikal di luar.

Dalam pendidikan jasmani di sekolah rendah, penting untuk tetap mempertahankan permainan tradisional sebagai sarana pembelajaran yang melibatkan aspek budaya dan sosial. Permainan tradisional memiliki nilai-nilai yang dapat dilakukan secara bersama-sama, meningkatkan keterampilan motorik, dan mengurangi ketergantungan anak-anak pada teknologi. Dengan mempertahankan permainan tradisional, kita dapat menjaga keanekaragaman budaya serta membentuk anak-anak yang sihat secara fizikal dan sosial.



SALAM SYAWAL PERKHIDMATAN AWAM

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



PENGARAH Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama mewakili JUZWAB :

"Ramadan pergi Syawal menjelma,
Mohon ganjaran berlipat ganda,
Amal ibadah mohon diterima,
Syawal mubarak meraih redha.

Gemersik takbir mengundang hiba,
Salam dihulur tanda ingatan,
Syawal dirindu menjelang tiba,
Salah dan silap mohon dimaafkan.

Pelita raya indah berseri,
Hiasan ceria di Aidilfitri,
Seikhlhas hati menyusun jari,
Mohon dimaaf kekhilafan diri.

Salam dikirim pengganti diri,
Riang gembira tanda kesyukuran,
Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Maaf Zahir dan Batin kami ucapkan".



"SALAM Aidilfitri Mohon Maaf Zahir dan Batin untuk semua umat Islam di negara ini.

Takbir raya berkumandang disambut ceria,
Hati bersyukur dapat merayakan,
Hari Raya Aidilfitri disambut gembira,
Bersama keluarga, rakan sekerja dan rakan taulan".



"KAMI dari Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin".



"SEMAGA bulan Syawal ini diraikan dengan penuh kegembiraan, kebahagiaan dan keberkatan bagi seluruh umat Islam dan semoga segala amalan diterima dan mendapat rahmat berkat Allah Subhanahu Wata'ala.

Di pagi Hari Raya yang mulia,
Kita bersua dengan senyuman ceria.
Bersama keluarga, rakan sehati,
Kebahagiaan bersama, syukur dinikmati.

Maaf dipinta, kemaafan diberi,
Tanda ukhwah dan kasih mesra di hati.
Takbir bergema, menyambut kemenangan,
Bersama bergembira dengan orang kesayangan.

Selamat Hari Raya Aidilfitri diucapkan dengan tulus ikhlas daripada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta Warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat".



"BULAN Ramadan melangkah pergi,
Sebulan berpuasa memberi erti,
Mensyukuri nikmat tiada henti,
Kini ... bulan Syawal menjelma lagi,
Tanda kemenangan buat semua,
Andai ada tersalah tingkah bicara,
Ampunan dipinta atas kekhilafan diri.

Selamat Hari Raya Aidilfitri ditujukan kepada semua umat Islam di Negara Brunei Darussalam dan kepada semua penulis dan karyawan tempatan. Semoga segala amalan kebaikan kita diterima dan segala kesalahan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hidang dibalang bermacam kacang,
Biskut manis dan biskut suji,
Berbagai kesalahan tanpa dirancang,
Mohon dan maaf penyuci hati.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin daripada pegawai dan kakitangan Bahagian Perancangan Buku mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan".



"SEMPENA bulan Syawal ini, kami dari Unit Perkhidmatan Fisioterapi, ikhlas ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Muslimin dan Muslimat di Negara Brunei Darussalam mahupun di luar negara, mohon maaf di atas sebarang kekurangan atau pun kekhilafan.

Takbir bergema menyambut kemenangan,
Seluruh umat Islam tersenyum ceria,
Maaf dipohon atas segala kesilapan,
Lupakan semua sebarang sengketa.

Menganyam ketupat beramai-ramai,
Di malam raya seperti kelaziman,
Marilah kita beramai-ramai,
Menyambut raya penuh kegembiraan".

ALLAHUKBAR

Allahuakbar

Allahuakbar Walillahilham

"Kami dari Unit Khidmat Nasihat Keluarga, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin Minal Aidil Wal Faizin kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Didoakan juga, semoga amalan kita di bulan Ramadan tahun ini diterima Allah dan semoga ditemukan lagi di Ramadan pada tahun hadapan".





TIGA KEDAI ROTI KEMBALI BEROPERASI DI GAZA DENGAN BANTUAN PBB

TEL AVIV, 15 April. - Tiga kedai roti di Bandar Gaza kembali beroperasi pada Ahad dengan bantuan Program Makanan Sedunia (WFP)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Menurut laporan saksi, ribuan orang hadir untuk membeli makanan sejurus selepas pengumuman

dibuat bahawa roti akan dijual di kedai roti itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Serangan udara Israel telah memusnahkan banyak kedai roti di bandar itu dan menurut sumber Palestin, WFP kini telah membekalkan gas dan memperbaiki mesin membuat roti untuk membolehkan pembakaran roti disambung semula.

Pegawai Palestin berkata terdapat kira-kira 140 kedai roti di Semenanjung Gaza yang membekalkan majoriti penduduk

dengan roti.

Israel berdepan tekanan antarabangsa yang semakin meningkat untuk membenarkan lebih banyak bekalan bantuan kemanusiaan masuk ke semenanjung yang disekat itu. Pertubuhan bantuan menggambarkan situasi itu sebagai kritikal dan mengatakan lebih daripada sejuta orang berisiko mengalami kebuluran.

Lebih 33,000 orang terbunuh di Gaza sejak meletusnya perang pada 7 Okt lepas, menurut pegawai

kesihatan di wilayah pimpinan Hamas.

Ketua Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID) percaya bahawa kebuluran sudah berlaku di bahagian Semenanjung Gaza.

Klasifikasi rasmi sebagai kebuluran bermakna sekurang-kurangnya 20 peratus penduduk terjejas oleh kekurangan makanan yang melampau. Di samping itu, sekurang-kurangnya satu daripada tiga kanak-kanak mengalami malnutrisi akut. - ©BERNAMA

Tiga PPS dibuka di Melaka, tempatkan 122 mangsa setakat 8 pagi

MELAKA, 15 April. - Sebanyak 122 mangsa ditempatkan di tiga pusat pemindahan sementara (PPS) di Melaka setakat 8 pagi ini susulan banjir kilat yang melanda akibat hujan lebat sejak petang semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Melaka Lt Kol (PA) Kamarulsyah Muslim berkata satu PPS dibuka di daerah Melaka Tengah iaitu di Japerun Ayer Keroh pada 11 malam tadi yang menempatkan 12 mangsa daripada dua keluarga.

"Di daerah Alor Gajah, sebanyak 72 mangsa daripada 25 keluarga dipindahkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Durian Tunggal dan 38 mangsa daripada tujuh keluarga ditempatkan di Balai Raya Bukit Balai.

"Antara kawasan terjejas di daerah Alor Gajah ialah Kampung Bukit Tambun, Kampung Parit Melaka, Kampung Bukit Balai, Taman Murai Jaya, Kampung Padang Keladi, Kampung Belimbing Dalam dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Durian Tunggal," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Kamarulsyah, kawasan yang terjejas di Melaka Tengah adalah Kampung Sungai Putat, Taman Melawis Bukit Beruang, Taman Ayer Keroh Heights dan Kampung Enam.

Beliau berkata hujan lebat sejak 4 petang semalam telah menyebabkan air sungai melimpahdi kawasan perumahan dan jalan raya. - ©BERNAMA

Gempa bumi kuat dikesan di Papua Guinea

KUALA LUMPUR, 15 April. - Satu gempa bumi kuat berukuran 6.4 pada skala Richter dikesan di New Britain Region, Papua New Guinea pada 4.56 pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memaklumkan pusat gempa itu terletak di 5.8 darjah selatan dan 151 darjah timur dengan kedalaman 68 kilometer (km) iaitu 30km tenggara dari New Britain Island, Papua New Guinea.

"Tiada ancaman tsunami kepada Malaysia," menurut MetMalaysia. - ©BERNAMA

2 maut bangunan runtuh di utara India

NEW DELHI, 15 April. - Sekurang-kurangnya dua maut dan beberapa yang lain cedera apabila sebuah bangunan dua tingkat runtuh di negeri Uttar Pradesh, utara India pada petang Ahad, polis tempatan mengesahkan kepada Xinhua.

Beberapa individu masih terperangkap di bawah runtuhan bangunan dan kerja-kerja menyelamatkan masih dijalankan, tambah polis.

Bangunan itu runtuh di kawasan Jansath di daerah Muzaffarnagar di Uttar Pradesh.

Pasukan Tindak Balas Bencana Kebangsaan berada di lokasi menjalankan operasi menyelamatkan, lapor media tempatan.

Kira-kira 15 orang dimasukkan ke sebuah hospital tempatan, menurut laporan. - ©BERNAMA

Xiong Du Du & Yu Rong Rong, Maskot Piala Thomas, Piala Uber 2024

CHENGDU, 15 April. - Maskot pertandingan akhir Piala Thomas dan Piala Uber 2024 iaitu "Xiong Du Du" dan "Yu Rong Rong" tampil bertemu dengan khalayak ramai di sini pada petang Ahad.

Peringkat final Piala Thomas dan Piala Uber akan berlangsung di Chengdu, China dari 27 April hingga 5 Mei, disertai 32 pasukan dari 20 negara dan kawasan.

Sebagai pertandingan badminton bertaraf tertinggi di dunia, Piala Thomas dan Piala Uber edisi ini adalah kali pertama diadakan di kawasan barat China dan juga pertandingan badminton peringkat tertinggi sebelum Sukan Olimpik Paris tahun ini.

Menurut jadual pertandingan yang diumumkan pihak penganjur, empat perlawanan pembukaan ialah: pasukan China berdepan Singapura dalam Kumpulan A Piala Uber, pasukan Jepun melawan pasukan Uganda dalam Kumpulan C Piala Uber. Pasukan Malaysia berdepan pasukan Hong Kong China dalam Kumpulan D Piala Thomas dan pasukan Korea Selatan melawan pasukan Kanada dalam Kumpulan A. - ©BERNAMA

Jordan tidak benarkan perang serantau berlaku di wilayahnya

ISTANBUL, 15 April. - Raja Jordan Raja Abdullah II menerima satu panggilan telefon daripada Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Sabtu, menurut The Royal Hashemite Court.

Panggilan telefon itu meliputi perkembangan terkini di rantau itu dan usaha untuk mengurangkan ketegangan dan mewujudkan gencatan senjata di Gaza, menurut kenyataan The Royal Hashemite Court, lapor Agensi Anadolu.

Raja Abdullah menekankan keperluan untuk menghentikan peningkatan konflik di rantau itu

dengan segera dan memberi amaran bahawa sebarang langkah peningkatan yang diambil Israel akan membangkitkan lagi konflik di rantau itu.

Baginda bertitah menamatkan serangan di Gaza dengan segera adalah langkah yang perlu bagi mengelakkan konflik itu daripada "melimpah" ke rantau itu,"katanya.

"Jordan tidak akan membenarkan perang di rantau ini berlaku di wilayahnya, dan mengingatkan akan kesan serangan Israel ke atas Gaza dan langkah unilateral di

Tebing Barat," katanya.

Raja Abdullah dalam titahnya menggesa perlindungan diberikan kepada orang awam di Gaza dan memastikan bekalan bantuan kemanusiaan disampaikan menerusi pelbagai saluran secara berterusan.

The Royal Hashemite Court berkata perbincangan dalam perbualan telefon itu meliputi keperluan untuk mengekalkan koordinasi antara Jordan dan Amerika Syarikat dalam perkembangan serantau. - ©BERNAMA

Penganjuran COP29 cermin komitmen teguh Azerbaijan perangi perubahan iklim - Duta

KUALA LUMPUR, 15 April. - Penganjuran dan mempengerusikan Persidangan Ke-29 Pihak-Pihak bagi Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (COP29) pada November oleh Azerbaijan mencerminkan komitmen teguh negara itu untuk menangani perubahan iklim, bukan sahaja pada peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat serantau dan global.

Dalam menekankan perkara itu, Duta Azerbaijan ke Malaysia Irfan Davudov memberitahu Bernama bahawa kini menjadi tanggungjawab negaranya untuk memimpin masyarakat global ke arah masa depan yang berpusat pada tindakan iklim, ekuiti dan kemampanan kerana memerangi perubahan iklim adalah proses yang tidak dapat dipulihkan.

Beliau berkata peluang yang diberikan untuk menjadi tuan rumah COP29, yang akan menjadi acara antarabangsa terbesar dalam sejarah Azerbaijan juga disebabkan oleh kemahuan politik yang kuat yang ditunjukkan oleh Presiden Ilham Aliyev yang telah melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah peralihan tenaga hijau untuk negara itu, walaupun Azerbaijan menjadi negara pengeksport minyak dan gas.

Duta itu juga menekankan kesungguhan dan komitmen kerajaannya terhadap tindakan iklim global dan memerangi kesan perubahan iklim, seperti yang dicontohkan oleh pengisytiharan

2024 sebagai 'Tahun Solidariti Dunia Hijau' di Azerbaijan.

Mengenai persediaan COP29, duta itu menjelaskan bahawa setakat ini, Presiden COP29, Ketua Perunding dan ahli pasukan lain telah melawat beberapa negara dan menghadiri beberapa acara antarabangsa.

Menteri Ekologi dan Sumber Asli Azerbaijan Mukhtar Babayev telah dilantik oleh kerajaan sebagai Presiden COP29 manakala Timbalan Menteri Luar Negeri Yalchin Rafiyev sebagai Perunding Utama. Azerbaijan, yang diumumkan sebagai tuan rumah COP29 semasa sesi pleno COP28 pada 11 Dis di Dubai, telah menyatakan bahawa COP29 akan memperkukuh momentum yang dihasilkan oleh COP28.

Azerbaijan telah mengesahkan ikrarnya untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 35 peratus menjelang 2030, dengan rancangan untuk meningkatkan sasaran ini kepada 40 peratus menjelang 2050. Matlamat yang dinyatakan oleh kerajaan Azerbaijan juga adalah untuk tenaga boleh diperbaharui untuk menyumbang 30 peratus daripada kapasiti penjanaan elektrik menjelang 2030.

Davudov juga menjelaskan bahawa pembiayaan akan menjadi satu daripada tema utama untuk COP29.

"Kritikal kepada usaha kami ialah mobilisasi kewangan untuk mitigasi, penyesuaian dan kerugian serta kerosakan. Ini memerlukan usaha bersama oleh semua pihak

berkepentingan, termasuk negara, organisasi antarabangsa, institusi kewangan antarabangsa dan sektor swasta.

Beliau menekankan bahawa persetujuan yang dicapai di COP28 dipermudahkan oleh dialog inklusif, komitmen terhadap multilateralisme dan rundingan yang teliti, oleh itu beliau menekankan pentingnya mewujudkan persekitaran iaitu semua suara didengar dan dihormati, tanpa mengira saiz atau status ekonomi, kerana ini penting untuk mencapai konsensus.

Davudov berkata berdasarkan rekod prestasi Azerbaijan yang berjaya sebagai jambatan antara Utara dan Selatan Global, terutamanya ditonjolkan semasa pengerusiannya baru-baru ini dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) baru-baru ini, COP29 akan berfungsi sebagai satu lagi platform penting untuk menyatukan negara-negara di pelbagai peringkat pembangunan.

"Kami komited untuk menggerakkan komuniti antarabangsa untuk memajukan usaha dalam menghentikan pemanasan global. Kami akan bekerjasama rapat dengan Emiriah Arab Bersatu (tuan rumah COP28 pada 2023) dan Brazil (tuan rumah COP30 pada November 2025), sebagai sebahagian daripada Troika Presiden untuk mencapai hasil yang bercita-cita tinggi dan berpandangan jauh di COP29 dan pada masa akan datang," kata Davulov. - ©BERNAMA

Sumbangan China terhadap pembangunan, kemakmuran dunia mengagumkan - PM Antigua dan Barbuda



BEIJING, 16 April. - Sumbangan China terhadap kedamaian dan kemakmuran dunia amat mengagumkan, kata Perdana Menteri, Antigua dan Barbuda, Gaston Browne.

Beliau berkata sumbangan itu didorong dengan konsep komuniti berkongsi nasib sesama insan yang dianjurkan oleh Presiden Xi Jinping.

"Dalam tempoh 10 tahun lepas, China menghulurkan bantuan besar kepada negara-negara membangun, membantu mereka meningkatkan keupayaan dalam pelbagai bidang supaya rakyat dapat keluar daripada kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa diwawancara CGTN di Beijing baru-baru ini.

Browne ialah pemimpin negara pertama dari Amerika Latin dan Caribbean yang melawat China

pada tahun ini dan beliau turut menyaksikan perasmian kedutaan besar negaranya di China.

Antigua dan Barbuda antara negara dari Caribbean Timur yang paling awal menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China.

Dalam tempoh 41 tahun sejak terjalannya hubungan diplomatik, kedua-dua negara saling menghormati, sokong-menyokong dan menjadi teladan baik bagi kesamarataan dan kerjasama menang-menang antara negara besar dengan negara kecil.

Browne pada masa sama menyifatkan Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) sebagai amat baik.

"Banyak negara tidak dapat memperoleh dana untuk menyokong pembangunannya sekiranya tiada platform pengumpulan dana yang dibina oleh China.

"Walaupun China bukan negara paling kaya di dunia, tetapi negara itu sentiasa berkongsi dengan negara lain. China komited mengembangkan ekonomi untuk membolehkan rakyatnya mengatasi kemiskinan.

"China juga mencapai kejayaan yang luar biasa dalam tempoh empat dekad lalu di samping berkongsi pengalaman dan membantu negara-negara lain untuk mendorong pembinaan komuniti berkongsi nasib sesama insan dan mewujudkan kemakmuran bersama sejagat," kata beliau.

Antigua dan Barbuda telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) BRI dengan China pada 2018, menjadikan Antigua dan Barbuda negara pertama dari Caribbean yang menandatangani MoU tersebut dengan China. Langkah ini

memberikan manfaat yang benar kepada rakyat kedua-dua negara.

Menurut Browne, pelbagai projek tidak dapat dibina dengan berjaya di negaranya tanpa pinjaman mudah dan bantuan dalam pelbagai bentuk

yang disediakan oleh China.

Beliau berkata konsep komuniti berkongsi nasib sesama insan yang dikemukakan oleh Presiden Xi memang hebat dan memberikan manfaat yang benar kepada negara-negara membangun. - ©BERNAMA

12 maut diserang lelaki bersenjata di tenggara Republik Afrika Tengah

BANGUI, 16 April. - Sekurang-kurangnya 12 orang terbunuh dalam serangan oleh sekumpulan lelaki bersenjata di sebuah kampung di tenggara Republik Afrika Tengah (CAR), kata ketua wilayah Mbodou, Pierrette Benguere kepada Sputnik.

"Saya dalam konvoi yang dikawal oleh pasukan pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ketika kami tiba di lokasi kebakaran. Kami mendapat tahu seorang penduduk tempatan ditembak ketika hendak mengambil buluh. Seseorang telah memaklumkan kepada penduduk kampung dan mereka melarikan diri. Kemudian datang sekumpulan lelaki dan mereka telah membakar kesemua rumah dan membunuh penduduk yang tidak sempat melarikan diri. Menyebabkan 12 terbunuh dan sembilan rumah telah dibakar," kata Benguere.

Pembunuhan beramai-ramai itu berlaku di kampung itu yang terletak 30 kilometer (18.6 batu) dari bandar Bakouma. Justeru beliau menggesa kerajaan menambah bilangan anggota tentera. - ©BERNAMA

Abbas bentuk lembaga pengarah baharu untuk Dana Pelaburan Palestin

RAMALLAH, 16 April. - Presiden Palestin Mahmoud Abbas mengumumkan pada Isnin, pembentukan lembaga pengarah baharu bagi Dana Pelaburan Palestin, lapor Xinhua.

Agensi berita Palestin WAFA melaporkan bahawa anggota lembaga dana itu termasuk Eyad Judah, Maher al-Masri, Mohammad Nasr, Tamer Bazzari, Atef Allawneh, Mohammad Abu Ramadan, Ali Abu Diyak, Lena Abu Hajleh dan Firas Malham.

Dana itu yang ditubuhkan pada 2003, beroperasi sebagai syarikat pegangan saham awam yang berdaftar dengan Kementerian Ekonomi Negara. Ia memberi tumpuan kepada pelaburan dalam sektor utama termasuk tenaga, penjagaan kesihatan, telekomunikasi, ekonomi digital, industri, perdagangan, pertanian, hartanah dan pelancongan.

Dana itu diwujudkan menerusi pemindahan aset yang sebelum ini diuruskan Pihak Berkuasa Palestin. Mohammad Mustafa berkhidmat sebagai Pengerusinya dari Januari 2009 sehingga beliau ditugaskan pada 14 Mac sebagai Perdana Menteri Palestin. - ©BERNAMA

Denggi : Dua kematian direkodkan di Pulau Pinang

GEORGE TOWN, 16 April. - Sebanyak 51 kes demam denggi dengan dua kematian dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-15 (ME15) iaitu bagi tempoh 7 hingga 13 April lepas di Pulau Pinang.

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam kenyataan memaklumkan daerah Seberang Perai Tengah (SPT) mencatatkan rekod tertinggi iaitu 18 kes, diikuti SPS (15), Timur Laut (Iapan) dan masing-masing lima kes di daerah Barat Daya dan Seberang Perai Utara (SPU).

"Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga ME15 adalah sebanyak 1,730 kes, manakala kematian direkodkan masing-masing satu kes di daerah Timur Laut dan Seberang Perai Selatan (SPS)," menurut hantaran di laman Facebook JKNPP hari ini.

Menurut JKNPP, dua kawasan di SPT dikenal pasti sebagai hotspot taburan lokaliti wabak denggi iaitu Taman Alma Jaya dan Taman Nirwana manakala satu hotspot turut dikesan di Taman Sri Pinang dalam daerah Timur Laut.

Justeru, JKNPP menasihati orang ramai supaya mengambil langkah pencegahan dan kawalan sendiri bagi membasmi pembiakan nyamuk Aedes di kawasan perumahan dan premis. - ©BERNAMA

QATAR AIRWAYS SAMBUNG SEMULA PENERBANGAN KE IRAN

TEHRAN, 16 April. - Qatar Airways telah menyambung semula penerbangannya yang dijadualkan ke Iran berikutan pembukaan semula lapangan terbang dan ruang udara negara itu.

Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA) melaporkan syarikat penerbangan itu dalam satu kenyataan berkata penerbangannya ke Iran termasuk 20 penerbangan seminggu ke empat destinasi termasuk Tehran, Mashhad, Shiraz

and Isfahan telah disambung semula.

Syarikat penerbangan Qatar itu menggantung penerbangannya ke Iran sejak Sabtu setelah Iran bertindak balas terhadap serangan Israel ke atas kemudahan diplomatik Iran di Syria, dengan melancarkan serangan dron dan misil.

Terdahulu, Iraqi Airlines juga mengumumkan ia akan menyambung penerbangannya ke Iran mulai Selasa.

Penerbangan antarabangsa dari dan ke Iran digantung selepas Iran melancarkan serangan ke atas Israel menggunakan beratus-ratus dron dan misil ke atas sasaran Zionis dalam wilayah yang diduduki.

Dengan berakhirnya serangan itu dan Iran mencapai matlamatnya, pelbagai negara secara beransur-ansur menyambung semula penerbangan mereka dari dan ke Iran, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Bangunan bersejarah bursa saham Denmark terbakar

COPENHAGEN, 16 April. - Bangunan bersejarah bursa saham Denmark di ibu negaranya, Copenhagen terbakar, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Bahagian atas menara bangunan itu yang terbakar runtuh pada pagi Selasa. Beberapa jalan dan kawasan sekitar bangunan itu telah ditutup, kata

polis.

Asap tebal dan api yang marak dapat dilihat datang dari dalam bangunan. Polis Copenhagen berkata kawasan itu akan ditutup dalam jangka masa tertentu.

Punca kebakaran masih belum dapat dipastikan. Bangunan itu siap dibina pada 1625

dan antara bangunan tertua di sini. Bangunan itu sedang menjadi proses pengubahelokan dan diliputi dengan perancah.

Pengubahelokan itu adalah bagi membetulkan kerja-kerja yang dijalankan pada abad ke-19 dan membaik pulih muka bangunan itu kepada rupa asalnya. - ©BERNAMA

Biden enggan hadir pendengaran awam

WASHINGTON, 16 April. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden menolak permintaan anggota kongres untuk memberi keterangan secara terbuka sebagai sebahagian daripada siasatan pendakwaan yang tertumpu kepada dakwaan aktiviti jenayah oleh keluarganya, kata Jawatankuasa Pemantauan Dewan AS, lapor Sputnik.

"Presiden Joe Biden secara rasmi menolak jemputan kami untuk memberi keterangan secara terbuka mengenai pengetahuan dan pembabitannya dalam skim perniagaan keluarganya," kata

jawatankuasa itu dalam kenyataan yang dikeluarkan di platform X (dulu dikenali sebagai Twitter) pada Isnin.

"Adalah malang Presiden Biden tidak mahu menjawab soalan di hadapan rakyat Amerika dan enggan menjawab soalan yang sangat mudah yang kami sertakan dalam jemputan itu."

Anak lelaki Joe Biden, Hunter Biden, mengambil bahagian dalam pendengaran tertutup dengan anggota kongres awal tahun ini tetapi enggan hadir untuk pendengaran awam berikutnya.

Rakyat Amerika berhak mendapat

penjelasan daripada Presiden Biden, menurut kenyataan itu. Biden terus berbohong mengenai hubungannya dengan rakan perniagaan anaknya, tambah kenyataan itu.

Anggota kongres sedang menyalut dakwaan aktiviti jenayah oleh keluarga Biden, termasuk potensi rasuah dan pengaruh asing. Hunter Biden telah menafikan bahawa bapanya mendapat keuntungan atau terlibat dalam aktiviti perniagaannya, termasuk berkhidmat dalam lembaga pengarah syarikat tenaga Ukraine, Burisma. - ©BERNAMA



IMAGINE, RAKAN RASMI TELCO PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK



PENAJAAN berkenaan disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine, Allen On kepada Pengerusi jawatankuasa penganjur, Lim Han Chiong, yang juga selaku Bendahari untuk perlawanan persahabatan berkenaan dan Pengerusi Perlawanan, Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman bin Pengiran Haji Hidup.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Imagine Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 April. - Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dengan sukacitanya mengumumkan perkongsiannya sebagai rakan rasmi Telco untuk Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Antarabangsa di antara Brunei DPMM FC dan Guangxi FC yang dijadualkan akan berlangsung pada 20 April 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB).

Majlis penyerahan tajaan diadakan di ibu pejabat Imagine yang kini merupakan rakan rasmi Telco untuk perlawanan persahabatan tersebut dan secara rasmi mengukuhkan kerjasama berkenaan.

Penajaan berkenaan disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine, Allen On kepada Pengerusi jawatankuasa penganjur, Lim Han Chiong, yang juga selaku Bendahari untuk perlawanan persahabatan berkenaan dan Pengerusi Perlawanan, Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman bin Pengiran Haji Hidup.

"Di Imagine, kami bersemangat untuk

memberi kembali kepada komuniti kami.

"Kami mengiktiraf kuasa sukan untuk menyatukan orang ramai dan memupuk semangat kekitaan.

"Menaja perlawanan persahabatan antarabangsa ini selaras dengan komitmen kami untuk menyokong komuniti bola sepak di Negara Brunei Darussalam," kata Allen On.

Imagine juga turut menganjurkan Fiesta Bola Sepak yang menampilkan perlawanan antara DPMM FC dan EPL Legends pada 30 April 2024 di SNHB.

Jangan lepaskan peluang untuk menyaksikan peristiwa penting tersebut.

Tiket boleh didapati di Pusat Imagine mulai minggu ini.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang produk dan perkhidmatan Imagine, serta promosi dan kempen terkini, ikuti media sosial Imagine @_imaginebn, di Instagram atau @imaginebn di Facebook masing-masing.

Kelab dari Thailand bakal uji kekuatan KDNFC malam esok

KOTA BHARU, 16 April - Kekuatan pasukan Kelantan Darul Naim FC (KDNFC) bakal diuji kelab dari Thailand, Pattani FC dalam aksi persahabatan di Stadium Sultan Muhammad IV di sini malam esok.

Penolong Ketua Jurulatih KDNFC Rezal Zambery Yahya berkata perlawanan itu bagi menilai kemampuan pemainnya menghadapi saingan Liga Malaysia (Liga M) musim 2024/2025 yang dijadualkan bermula Mei ini.

Beliau berkata pada perlawanan pramusim itu, KDNFC mahu memberi tumpuan kepada keserasian barisan pemain selepas lebih sebulan menjalani sesi latihan.

"Ia ujian untuk pemain kerana malam esok merupakan perlawanan pertama kami untuk musim ini lebih-lebih lagi apabila hampir 80 peratus pemain yang menyertai pasukan musim ini adalah muka baharu.

"Walaupun Pattani FC bermain pada saingan divisyen ketiga Liga Thailand, mutu permainan pasukan itu sangat berkualiti dan perlu diberi tumpuan oleh pemain," katanya kepada Bernama hari ini.

Menurutnya barisan jurulatih KDNFC akan menerapkan beberapa corak permainan dan

gandingan pemain bagi memberi cabaran kepada pasukan lawan malam esok.

"Memang ini perlawanan ujian untuk pemain tetapi kami lebih fokus untuk melihat keserasian, jadi kami akan cuba beberapa gandingan," katanya.

Beliau berkata setakat ini persiapan pasukan berjalan seperti biasa selepas kembali daripada cuti Aidilfitri malah kesemua pemain berada dalam keadaan baik.

Menurutnya pihak kejurulatihan KDNFC merancang strategi agar semua pemain dapat menyesuaikan diri dan segera mencipta keserasian terutamanya bagi pemain import yang baru menyertai pasukan itu sekali gus memastikan perancangan pasukan berjalan lancar.

Rezal Zambery berkata pasukannya telah melakukan persiapan sebaik mungkin bagi memberi cabaran kepada pasukan lain yang beraksi pada saingan Liga M musim ini.

"Pada perlawanan pembukaan liga 11 Mei ini kita akan bertemu pasukan Sri Pahang FC yang merupakan antara pasukan terbaik terutamanya dalam Liga Super," katanya.

- ©BERNAMA

Piala Asia B-23 : Malaysia mahu cipta kemenangan walaupun dilabel bukan pilihan - Juan Torres

KUALA LUMPUR, 16 April. - Keyakinan pemain pasukan bawah 23 Kebangsaan (B-23) untuk mencipta kemenangan dalam perlawanan pertama kempen Piala Asia B-23 2024 di Qatar esok masih utuh, walaupun dilabelkan sebagai pasukan bukan pilihan.

Ketua Jurulatih B-23 negara, Juan Torres Garrido berkata Uzbekistan mungkin diketahui sebagai pasukan yang kuat dan pilihan untuk kempen kali ini, namun anak buahnya bersedia untuk berhadapan dengan pasukan itu.

"Kami tahu berhadapan lawan ini suatu yang mencabar, tetapi kami kini dalam semangat terbaik selepas menjalani sesi latihan yang panjang.

"Jadi kami gembira berada di sini

(kempen B-23), mewakili Malaysia dan teruja untuk memperbaiki keputusan-keputusan sebelum ini," katanya pada sidang media secara maya, hari ini.

Harimau Muda yang berada dalam Kumpulan D, akan memulakan kempennya bertemu Uzbekistan esok, sebelum dijadualkan berhadapan Vietnam (20 April) dan Kuwait (23 April).

Ini merupakan kali ketiga Malaysia layak ke Piala Asia B-23 selepas melakukan pada 2018 dan 2022. Pencapaian terbaik skuad kebangsaan ialah pada 2018 di bawah Datuk Ong Kim Swee, apabila mereka layak ke suku akhir.

Piala Asia B-23 bermula semalam (15 April) hingga 3 Mei di Doha, Qatar.

- ©BERNAMA